


Jilid I
Bil. 100



Hari Rabu
30hb November, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14137]

PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. AHLI DARI ULU TERENGGANU
DI BAWAH S.O. 14 (1):

Pekerja-pekerja di Syarikat Hyundai [Ruangan 14171]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 65 [Ruangan 14175]

Rang Undang-undang Manuver Tentera [Ruangan 14192]

Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 14211]

Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang [Ruangan 14223]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984

Jawatankuasa—

Maksud P.65 [Ruangan 14175]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

Akta Kastam 1967:

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43), 1983, dan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45), 1983 [Ruangan 14208]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.N. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains; Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Mustaffa bin Mohammad (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

Yang Berhormat DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

„ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 30hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim. Tidak Hadir.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir).

TV MALAYSIA—
RANGKAIAN I

2. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Penerangan adakah Kementerian ini bersetuju dengan cadangan:

- (a) Rangkaian I TV Malaysia dan Rangkaian Nasional Radio Malaysia mewujudkan satu gambaran yang benar-benar menunjukkan identiti Negara yang berlandaskan Agama Islam sebagai Rasmi, Bahasa Malaysia sebagai bahasa Rasmi dan Kebudayaan Melayu sebagai teras Kebudayaan Nasional dari segi persembahan rancangannya, dan peningkatan kepada lebih banyak rancangan yang dibuat bercorak Malaysia sebenar-benarnya: dan
- (b) meluaskan lagi penyiaran rancangan-rancangan bercorak Malaysia di Rangkaian-rangkaian lain, supaya memberi

peluang atau memperkenalkan persembahan Malaysia kepada penonton dan pendengar-pendengar yang tidak berminat untuk mengikuti Rangkaian I TV Malaysia dan Rangkaian Nasional Radio Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bahawa:

- (a) Rangkaian I TV Malaysia dan Rangkaian Nasional Radio Malaysia mewujudkan satu gambaran yang benar-benar menunjukkan identiti • negara yang berlandaskan agama Islam sebagai agama rasmi, bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan nasional dari segi persembahan rancangan-rancangannya dan peningkatan kepada lebih banyak rancangan yang dibuat bercorak Malaysia sebenar-benarnya.
- (b) Meluaskan lagi penyiaran rancangan-rancangan bercorak Malaysia di rangkaian-rangkaian lain supaya memberi peluang untuk memperkenalkan persembahan Malaysia kepada penonton dan pendengar-pendengar yang tidak berminat untuk mengikuti Rangkaian I TV Malaysia dari Rangkaian Nasional Radio Malaysia.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan.

Dikatakan tadi bahawa Radio dan TV Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk identiti negara dan penerapan nilai-nilai Islam. Soalnya adakah Kementerian ini sedar bahawa terdapat rancangan-rancangan Radio dan TV Malaysia banyak memuatkan adegan-adegan yang boleh melemahkan semangat dan moral masyarakat terutamanya masyarakat Melayu dewasa ini. Contohnya, iklan, dipamirkan orang-orang Melayu naik basikal di batas sawah, orang-orang Melayu memikul buah kelapa dan bagi kaum Tionghua pula biasanya dijadikan sebagai orang tengah ataupun golongan yang banyak wang. Jika sedar, tidakkah Kementerian Penerangan ini menginsafi bahawa adegan-adegan itu sudah tidak sesuai lagi, terutamanya bagi masyarakat Melayu pada masa ini. Apakah Kementerian Penerangan bercadang untuk mengubah adegan-adegan yang dikatakan boleh melemahkan semangat dan menjatuhkan maruah masyarakat Melayu kita.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, Kementerian memang sedar adanya perkara-perkara ini dipamirkan di dalam iklan-iklan. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dalam soal iklan ini kita mempunyai satu Jawatankuasa Penasihat yang terdiri daripada pakar-pakar termasuk jugalah mereka yang ahli dari bidang agama dan dari bidang sosial.

Dalam soal ini sama ada dia merupakan kelemahan orang Melayu ataupun orang kaya ataupun orang miskin, ini merupakan lebih dari segi interpretasi seseorang itu terhadap iklan-iklan yang dipamirkan. Tetapi pada keseluruhannya ini adalah usaha yang diusahakan oleh pihak pengiklan-pengiklan yang telah ditapis dan sesuai dengan kehendak Bahagian Iklan.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat

Timbalan Menteri bercadang sekiranya ada masa tambahan baru bagi Saluran I TV Malaysia bahawa bahasa pengantar yang akan digunakan ialah bahasa Malaysia sahaja.

Yang Kedua, oleh kerana iklan-iklan adalah merupakan selalunya diminati oleh kanak-kanak dan sesuai dengan pepatah Melayu "melentur buluh hendaklah dari rebung" adakah Kementerian bercadang supaya kesemua iklan-iklan di dalam Rangkaian I ataupun Rangkaian II akan sahaja menggunakan bahasa Malaysia sahaja.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua saya ingin menyatakan bahawa mengikut dasar Kerajaan bahasa rasmi negara ini ialah Bahasa Malaysia dan kita juga tidak boleh mengeneipikan bahasa-bahasa lain. Oleh yang demikian, dalam Rangkaian I kita memang berkehendakkan bahasa yang digunakan ialah bahasa Malaysia, Rangkaian II kita pecahkan kepada bahasa-bahasa lain. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya iklan itu yang menjadi pengaruh kepada anak-anak ini rasa saya tidaklah iklan yang boleh memainkan peranan, ibu-bapa juga perlu memainkan peranan kerana iklan itu merupakan satu pamiran yang boleh dijadikan contoh untuk tauladan tetapi ibu-bapa perlu mendidik anak-anak mereka. Iklan merupakan satu usaha untuk memberi peluang kepada pengguna-pengguna memilih bahan-bahan atau barang-barang yang diiklankan.

Soalan Yang Berhormat yang pertama tadi saya tidak jelas, bolehkah diulang balik.

Tuan Abdul Rahman Suliman: Sekiranya ada masa tambahan bagi Rancangan Rangkaian I, umpamanya pada suatu masa dahulu Radio Malaysia dipancarkan hanya sehingga pukul 12.00 malam dan sekarang ini

TV Rangkaian I sekiranya ada masa tambahan lagi, adakah akan digunakan bahasa Malaysia sahaja bagi Rangkaian I dan Rangkaian II.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Kita tidak ada berniat untuk menambahkan masa itu lagi.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu adakah Kementeriannya bercadang untuk mengadakan program-program istimewa tamadun seperti Cina, Hindu, Kristian, Kadazan, Dayak dan lain-lain sebagai satu langkah untuk mengeratkan perpaduan negara oleh kerana setiap rakyat Malaysia seharusnya mengetahui tamadun-tamadun semua rakyat Malaysia dan bolehkah Timbalan Menteri juga memberitahu apa sebab-sebab program "Laporan Parlimen" melalui TV tidak ada dijalankan di dalam bahasa Cina dan Tamil.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tadi telah saya jawab Yang Berhormat, bahasa rasmi ialah Bahasa Malaysia dan di dalam Parlimen ini pun kita gunakan BAHASA Malaysia dan kita sebagai media Kerajaan kita gunakan bahasa rasmi itu.

Soalan Yang Berhormat berkenaan dengan program tamadun bangsa-bangsa lain, jika Yang Berhormat meneliti, mengikut rancangan-rancangan TV ini ada perkara-perkara ini yang kita tunjukkan dalam rancangan kita.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebelum itu saya ucapkan tahniah di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah babak-babak bercumbu yang tersiar di dalam

TV terutama seperti malam tadi itu juga merupakan berlandaskan agama Islam.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, filem-filem rencana yang berbentuk demikian merupakan hiburan. Kita tidak berniat bahawa ianya adalah untuk diminati oleh semua tetapi soalnya sekarang ini babak-babak bercumbu yang terdapat di filem-filem barat ini kita berikan interpretasi sebagai satu hiburan dan ianya memang telah kita tapis dan yang telah diluluskan ialah babak-babak yang kecil daripada itu dan jika kita potong semuanya, esok timbul pula daripada orang ramai mengatakan tidak ada cerita langsung di dalam filem-filem yang kita keluarkan.

Ini sekali lagi saya ingin tegaskan kepada Yang Berhormat terserahlah kepada interpretasi Yang Berhormat sama ada itu yang mengghairahkan Yang Berhormat sendiri (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(*Soalan No. 3 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir.*)

PROJEK BANGUNAN— KECACATAN

4. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah kadang-kadang terdapat kontraktor tidak membaiki apa-apa kecacatan sesuatu projek seperti bangunan dan sebagainya dalam tempoh tanggungan kecacatan tersebut. Jika berlaku demikian apakah tindakan atau langkah yang selalu diambil supaya kecacatan itu dapat dibaiki. Dalam hubungan ini nyatakan berapa peratuskah Wang Tahanan perlu dibuat oleh kontraktor terhadap sesuatu projek.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman):

Tuan Yang Dipertua, pihak JKR pernah mendapati ada kontraktor-kontraktor yang enggan membaiki kecacatan sesuatu projek walaupun kecacatan itu berlaku dalam tempoh tanggungan kecacatan setelah diberi arahan-arahan bertulis. Jika arahan itu tidak diindahkan oleh kontraktor tersebut maka pihak JKR bolehlah memberi kerja itu kepada kontraktor lain untuk membaiki kecacatan berkenaan. Segala perbelanjaan yang dikenakan bagi urusan ini adalah dibayar daripada wang tahanan yang masih ada. Tindakan ini adalah amalan biasa yang dilakukan oleh pihak JKR engikut syarat-syarat kontrak. Peratusan wang tahanan yang biasa dikenakan adalah 10% daripada jumlah kerja-kerja yang telah dijalankan pada sesuatu bulan. Peratusan ini ditolak pada tiap-tiap bulan sehingga jumlah wang tahanan itu menjadi 5% daripada jumlah kontrak.

Walau bagaimanapun, mulai daripada 4hb Disember, 1980 syarat-syarat ini telah diubahsuai dan kontraktor-kontraktor boleh memilih supaya tidak dikenakan wang tahanan dengan syarat mereka melanjutkan performance bond, dengan izin, selama bagi tempoh kecacatan berkenaan.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Timbalan Menteri sedar dan apa langkah Kerajaan untuk memastikan pihak pemaju tidak akan mengarahkan pembeli-pembeli untuk menandatangani atau letter of disclaimer apabila pembeli-pembeli diberi rumahnya.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, barangkali Yang Berhormat ini fikirkan ini Kementerian Perumahan. Ini kerja-kerja yang Kerajaan sendiri menjadi clientnya, bukan pembeli.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan Tambahan. Berhubung dengan masalah kecacatan sesuatu projek misalnya projek bangunan sekolah-sekolah yang mana kontraktor-kontraktor ini apabila selesai sahaja mendirikan sebuah bangunan, jadi dalam masa tidak sampai 3 bulan kita dapati banyak kecacatan bangunan-bangunan projek Kerajaan ini.

Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Kerjaraya, adakah menjadi suatu dasar Kementerian berhubung dengan masalah tender projek-projek Kerajaan ini dengan harga yang paling rendah yang mana walaupun kita tahu dari segi Kementerian ini memang bekehendakkan tender yang paling rendah tetapi ada kalanya rendah terlampau rendah sangat menjejaskan bangunan-bangunan Kerajaan.

Jadi, apakah langkah-langkah Kementerian ini supaya projek-projek Kerajaan itu tidak jadi rosak ataupun akan baik, akan elok ataupun akan berpanjangan.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soal mendirikan bangunan apa sahaja pun ada masanya pihak yang menjalankan kerja itu cuai dan kurang berpengalaman. Rumah-rumah persendirian pun ada banyak yang cacat sementelahan lagilah projek Kerajaan yang begitu banyak dalam masa 4-5 tahun yang lepas dalam Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat begitu banyak sekolah-sekolah didirikan dan juga bangunan-bangunan lain dan pihak JKR pula telah pun ditugaskan untuk membanyakkan lagi pemborong-pemborong khususnya pemborong-pemborong bumiputera maka dengan adanya pemborong-pemborong baru yang kurang berpengalaman dengan sedikit sebanyak bimbingan daripada

pihak JKR telah pun diberi tugas-tugas untuk membina bangunan-bangunan seperti ini dengan begitu banyak adalah peratusannya boleh dikatakan kurang memuaskan tetapi tidaklah begitu sangat buruk rupanya. Walau bagaimanapun, kalaulah keadaan itu berlaku semasa ataupun dalam ketika kecacatan yang dalam tanggungjawab pihak kontraktor maka kecacatan itu boleh dipulih sepertimana yang saya katakan dalam jawapan yang pertama tadi dengan menggunakan duit tahanan daripada projek itu.

Tuan Yang Dipertua: Sudah habislah.

KUARTERS KEDIAMAN KAKITANGAN HOSPITAL BESAR, KUALA LUMPUR

5. Tuan Mohammad Idris bin Mohamad Basri minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah kuarters kediaman untuk kakitangan Hospital Besar, Kuala Lumpur untuk doktor-doktor hingga ke atenden-atenden hospital tidak diperuntukkan dengan sewajarnya mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat Kerajaan hingga menyebabkan beberapa kakitangan hospital itu yang berhak tidak diperuntukkan kerana adanya pilih kasih dan amalan salah dalam memperuntukannya yang dilakukan oleh pihak pentadbiran Hospital Besar, Kuala Lumpur. Kes-kes di dalam mana kakitangan yang mempunyai rumah sendiri masih lagi menduduki kuarters dan juga kes-kes memperuntukkan kuarters cara jalan belakang ada berlaku. Ini menafikan mereka yang sangat perlukan kuarters.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Tuan Yang Dipertua, sepanjang pengetahuan saya pembahagian kuarters kediaman oleh Jawatankuasa Permohonan Hospital Besar, Kuala Lumpur kepada kakitangannya adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Oleh kerana di hospital ini terdapat beberapa penjawat jawatan yang perlu berada di kawasan berhampiran dengan hospital, maka mereka ini dbieri keutamaan untuk menduduki rumah Jabatan dari segi kepentingan perkhidmatan. Contohnya ialah seperti Pakar, Pegawai Perubatan, Ketua Penyelia dan Penyelia Jururawat, Pegawai Para Medik Tingkatan Tinggi yang menjaga klinik seperti klinik di Bahagian Kecemasan dan Kecederaan dan lain-lain seperti Pemandu, Tukang Paip dan Juruteknik Jentera. Bagi kakitangan yang menduduki rumah Jabatan yang telah mendapat pinjaman perumahan Kerajaan dan rumah itu letaknya dalam lingkungan 20 kilometer dari hospital ini, Jawatankuasa Perumahan Khas akan menarik balik peruntukan rumah Jabatan. Walau bagaimanapun jika ia diperlukan terus duduk di rumah Jabatan atas kepentingan perkhidmatan yang memerlukan ia tinggal berdekatan dengan hospital tetapi tidak layak mendapat sewa rumah percuma, maka bayaran sewa dua kali ganda akan dikenakan selaras dengan arahan yang terdapat dari Perintah Am Bab "E" Perkara 22.

Bagi mereka yang mempunyai rumah sendiri tanpa pinjaman perumahan Kerajaan, mereka dibenarkan terus menduduki kuarters dari segi peraturan kelayakan mereka untuk terus menduduki rumah kuarters tidak terjejas. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberikan kes-kes yang spesifik, maka Kementerian saya akan menyiasat kes-kes itu dan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang Dipertua soalan tambahan. Mengikut daripada keterangan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi bahawa ada beberapa jawatan yang tertentu diberi keutamaan menduduki kuarters di Hospital Besar ini dan kita tahu bahawa Hospital Besar ini mempunyai

anggota yang begitu besar dan kalau kita bandingkan kuarters itu agak terhad.

Saya ingin tahu daripada Menteri berkenaan apakah kriteria-kriteria yang digunakan bagi membolehkan seseorang anggota Hospital Besar ini mendapatkan kuarters di situ?

Dato Chin Hon Ngian: Tuan Yang Dipertua, antara kriteria-kriteria ialah jawatan-jawatan yang saya sebutkan sebentar tadi. Jika Ahli Yang Berhormat hendak tahu kriteria-kriteria yang lain, saya minta notis.

SEKTOR PERTANIAN— PENURUNAN PERTUMBUHAN

6. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pertumbuhan dalam sekitar Pertanian telah menurun hingga separuh semenjak pertengahan tahun 1970 dan sama ada untuk mengatasi penurunan ini, adakah Kementerianya telah menimbang meninggikan "mechanisation" untuk menolong sektor pertanian ini, dan jika ya, bolehkah beliau menerangkan apakah bentuk "mechanisation" telah pun diperkenalkan kepada sektor pertanian sehingga tarikh ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pertanian memang sedar bahawa terdapat penurunan pertumbuhan dalam sektor pertanian semenjak pertengahan tahun 1970.

Kadar pertumbuhan purata tahunan sektor ini telah menurun dari 4.8% antara tahun 1971-1975 kepada 3.9% antara tahun 1976-1980. Sumbangan sektor pertanian kepada keluaran dalam negeri kasar juga telah merosot dari 30.8% dalam tahun 1970 kepada 22.2% dalam tahun 1980.

Sungguhpun terdapat penurunan peratusan perkembangan sektor ini, jika dibandingkan dengan lain-lain sektor, tetapi dari segi nilai sebenar sektor ini masih menunjukkan pertambahan iaitu tahun 1970 sebanyak \$3,797 juta meningkat kepada \$4,804 juta pada tahun 1975 dan kepada \$5,809 juta pada tahun 1980. Sektor ini akan terus memainkan peranan sebagai penyumbang utama di dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan, makanan, pertukaran wang asing dan juga pembekal utama sumber-sumber dan pasaran bagi pembangunan perindustrian.

Mengenai kejenteraan ladang pula, Kementerian Pertanian memberikan keutamaan dalam pembekalan kemudahan-kemudahan perkhidmatan jentera ladang kepada petani-petani untuk mengerjakan tanah dan juga pengangkutan yang mana dikendalikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang melalui Pusat Mekanisasi Peladang. Kementerian akan terus mengiatkan langkah-langkah bagi meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan seumpama ini kepada sektor pertanian.

Jenis-jenis jentera yang digunakan ialah berupa jentera dua roda, dan juga empat roda yang mana mengikut kesesuaian tanah. Jentera-jentera ini disewakan kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang dan juga bukan ahli dengan kadar sewa yang ditetapkan.

Jabatan Pertanian adalah bertanggungjawab di dalam pembaikan dan penyelenggaraan jentera-jentera ini yang mana dilakukan melalui Pusat Latihan Kejenteraan Ladang. Di samping itu MARDI juga mempergiatkan penyelidikan dalam kejenteraan ladang untuk memperkenalkan jentera-jentera yang sesuai untuk petani-petani kita.

Tuan Ismail bin Said: Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian telah memperakui bahawa ada penurunan pertumbuhan dalam sektor pertanian. Jadi saya ingin tahu mengapakah sebab-sebab perkara ini berlaku, sama ada daya pengeluaran di sektor pertanian ini telah menurun ataupun berlakunya perubahan struktur iaitu di negara kita ini di mana sektor pertanian telah menjadi bertambah kecil dan sebaliknya sektor perindustrian telah pun bertambah?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi walaupun dari segi peratusan dalam sektor pertanian telah menurun, tetapi dari segi nilai tidak, jadi ini menunjukkan bahawa daya pengeluaran tidak menurun.

Seperti Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan ekonomi Malaysia telah menghadapi perubahan dari segi strukturnya dan seperti Ahli Yang Berhormat maklum sektor galian terutama sekali sektor minyak dan gas asli telah bertambah dalam ekonomi kita.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan. Dengan kadar penurunan pertumbuhan, pada faham saya, ini menunjukkan pertumbuhan yang makin perlahan. Jadi saya hendak bertanya adakah ini bermakna bahawa di negara ini kita telah mencapai keadaan di mana kita telah mencapai "optimum development" dalam sektor pertanian ini?

Yang keduanya, berkenaan dengan "mechanisation". Soalnya, perkara ini perlu tetapi bagaimanakah kita boleh pastikan bahawa petani-petani kecil, terutamanya dapat memiliki dan berupaya menjalankan jentera-jentera selain daripada usaha Kerajaan melalui LPP? Seterusnya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar

bahawa terdapat kekurangan jentera-jentera bajak yang dimiliki oleh LPP di banyak tempat dan ini menggendalakan program tanaman petani-petani, terutamanya padi serta menimbulkan masalah?

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya hendak mendapat tahu mengapakah "mechanical harvesters" tidak diperkenalkan secara menyeluruh dan lebih meluas di negara ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan banyak soalan, jadi saya cubalah menjawab kesemuanya kalau saya dapat tangkap soalan-soalan beliau.

Seperti saya jelaskan tadi sektor pertanian telah berkembang dengan kadar yang baik, akan tetapi oleh kerana sektor lain dalam ekonomi negara kita, terutama sekali galian, minyak dan gas asli telah berkembang dengan lebih cepat, jadi peratusan pertanian telah menurun.

Memang benar bahawa ekonom pertanian atau sektor pertanian belum mencapai tingkatan optima. Jadi itulah salah satu sebab Kerajaan menggubal satu Dasar Pertanian Negara yang akan diumumkan tidak lama lagi.

Soalan berkenaan dengan mekanisasi sama ada petani-petani kecil mendapat jentera-jentera yang sesuai, Kementerian sekarang mengkaji masalah ini, terutama sekali jentera-jentera kecil yang mungkin boleh diperkenalkan kepada sawah-sawah padi untuk kegunaan petani-petani yang bekerja dalam tanah yang terhad sekali.

Soal berkenaan dengan kekurangan jentera di kawasan Lembaga Petubuhan Peladang, saya tidak sedar. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat menyedari Kementerian saya, kita boleh mengambil tindakan yang selanjutnya.

“Mechanical Harvesters”, Tuan Yang Dipertua, sekarang diperkenalkan di banyak tempat di seluruh negara. Saya pun kurang faham tempat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat menjelaskan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa daya pengeluaran telah bertambah dan nilai hasil pertanian bertambah. Soalannya, adakah pihak Kementerian telah pun mengambil kira kadar inflasi yang ada sekarang dalam perkiraan pertambahan nilai pertanian ini?

Yang keduanya, apakah langkah-langkah Kementerian yang telah diambil bagi penggunaan yang maksima tanah-tanah pertanian bagi mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada soalan pertama, ada ambil kira inflasi.

Yang kedua, kegunaan tanah yang terbiar dan tanah-tanah lain yang tidak diusahakan dengan sepenuhnya, ini adalah sentiasa di dalam perhatian dan tindakan Kementerian.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Terima kasih kita ucapkan kepada Kementerian kerana dapat membekalkan jentera-jentera kecil kepada petani-petani kecil. Tetapi saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat mesin-mesin pembajak ataupun mesin-mesin lain yang tidak sesuai daripada satu tempat ke satu tempat. Contohnya, kalau di kawasan jelapang padi Negeri Kedah tanahnya rendah, tanahnya cetek, tetapi dalam kawasan Krian dan Sungai Manik

tanahnya dalam, jadi mesin-mesin pembajak yang ada sekarang adalah tidak sesuai. Adakah Yang Berhormat akan membuat kajian dan pihak MARDI akan menyelidik perkara ini, seterusnya memperkenalkan jentera-jentera baru yang sesuai mengikut keadaan setempat?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar bahawa mesin-mesin pembajak di beberapa tempat tidak sesuai. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat telah memberi makluman tentang kesesuaian mesin di Kedah dan Perak, MARDI tentu akan menyasiat.

KENAIKAN HARGA MINYAK PETROL

7. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah faktor-faktor penting maka harga minyak petrol dinaikkan 2 sen seliter, sedangkan harga minyak mentah di pasaran dunia tidak naik.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengadakan satu formula untuk menetapkan harga runcit barang-barang petroleum (refined petroleum products), iaitu petrol regular dan premium, diesel, minyak tanah dan LPG. Penggunaan formula tersebut telah pun diumumkan oleh Kerajaan dan mula berkuatkuasa sejak 2hb April, 1983 yang lalu.

Faktor-faktor yang diambil kira untuk menentukan harga runcit barang-barang petroleum ialah:

- (i) “product postings” di Singapura;
- (ii) kadar pertukaran matawang US Dollar/Ringgit Malaysia;
- (iii) kos operasi;

- (iv) kadar keuntungan;
- (v) komisyen pengedar; dan
- (vi) cukai/subsidi.

Formula ini dianggap penting oleh kerana ia membolehkan harga runcit barang-barang petroleum bergerak (react) dengan lebih cepat kepada perubahan-perubahan faktor-faktor yang dinyatakan di atas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, "product postings" yang merupakan kos ex-kilang barang-barang petroleum telah mula digunakan oleh Kerajaan sejak bulan April, 1980.

Kenaikan harga minyak petrol sebanyak 2 sen seliter mulai 1hb September, 1983 yang lalu adalah disebabkan oleh kenaikan "product postings" sebanyak kira-kira 3% dan kenaikan kadar pertukaran matawang US Dollar/Ringgit Malaysia sebanyak 1%. Atas perinsip yang sama jugalah harga petrol pada 2hb April, 1983 telah diturunkan sebanyak 4 sen seliter.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan sentiasa mengkaji perubahan-perubahan "product posting" dan kadar pertukaran matawang US Dollar/Ringgit Malaysia tiap-tiap bulan seperti yang dikehendaki oleh formula tersebut, dan jika terdapat perubahan-perubahan yang membolehkan Kerajaan mengubah harga runcit barang-barang petroleum, tindakan sewajarnya akan diambil supaya harga runcit akan menggambarkan perubahan tersebut.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Memandangkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara pengeluaran minyak mentah, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa rakyat sendiri membayar harga petrol yang serentak?

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, petrol di Malaysia tidak serupa dengan lain-lain negeri, sebab itu harga ini lebih sedikit.

SIMPOSIUM DASAR KOMUNIKASI NEGARA

8. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah simposium Dasar Komunikasi yang telah diadakan dalam bulan Ogos, 1983 yang baru lalu di Kuala Lumpur telah dapat meletakkan asas panduan bagi Dasar Komunikasi Negara. Jika berjaya apakah panduan-panduan yang telah ditetapkan;
- (b) adakah panduan itu akan diberi penekanan untuk dijadikan dasar kepada Komunikasi Negara sama seperti dasar-dasar negara yang lain;
- (c) apakah ciri-ciri yang diutamakan di dalam Dasar tersebut kelak; dan
- (d) apakah Dasar tersebut akan terus dapat ditekankan jika pengswastaan mengambil alih peranan agensi penyiaran dan penerangan Negara ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan ini,

- (a) Secara amnya simposium ke arah Dasar Komunikasi Negara telah memperolehi pandangan umum yang boleh diterima sebagai asas panduan ke arah merangka Dasar Komunikasi Negara. Pandangan umum ini berpendapat bahawa dasar yang bakal digubalkan itu tidak seharusnya berbentuk satu perundangan baru tetapi hanya merupakan satu dasar atau konsep komunikasi sahaja.

- (b) Sesuatu dasar yang digubalkan demi kepentingan dan kebaikan negara seharusnya berbentuk kebangsaan seperti dengan dasar-dasar lain di negara ini.
- (c) Seperti mana yang termaklum asas pertimbangan utama yang menggerakkan Kementerian ini berusaha untuk mengubal Dasar Komunikasi Negara ialah kenyataan bahawa sumbangan komunikasi merupakan unsur penting dalam keseluruhan proses pembangunan negara. Dengan demikian ciri utama yang akan dikemukakan dalam Dasar Komunikasi Negara ialah falsafah Rukunegara serta diselaraskan dengan kehendak dasa-dasar Kementerian yang lain.
- (d) Dasar komunikasi akan menggariskan garis panduan bagi membantu semua media dan institusi komunikasi ke arah melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dalam proses pembangunan negara secara am dan bukan secara spesifik dan yang demikian sepatutnya boleh dipakai dalam semua keadaan.

UDA—UNIT KOMERSIAL/ KEDIAMAN KEPADA BUMI- PUTERA

9. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menghendaki agensi-agensi Kerajaan seperti UDA membeli unit-unit komersial dan kediaman yang diperuntukkan kepada orang-orang Bumiputera tetapi masih tidak ada "takers" Bumiputera.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini masih belum ada cadangan bagi agensi-agensi lain di bawah Kementerian Perusahaan

Awam untuk membeli unit-unit komersial yang diperuntukkan kepada pembeli-pembeli Bumiputera yang masih belum ada pembeli-pembelinya selain daripada UDA.

Program pembelian unit-unit komersial yang dijalankan oleh UDA adalah berdasarkan kepada merit tiap-tiap satu kes, iaitu sama ada lokasi dan harga pembelinya sesuai untuk peniaga-peniaga Bumiputera. Ini bermakna tidak kesemua unit-unit komersial yang disediakan untuk diperuntukkan kepada Bumiputera dibeli oleh UDA sekiranya lokasi unit-unit terlibat tidak strategik ataupun berdayakehidupan dari segi pelaburan.

Tujuan UDA membeli unit-unit seperti tersebut adalah untuk dijual semula kepada pembeli-pembeli Bumiputera dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran semasa ataupun untuk disewa kepada peniaga-peniaga Bumiputera pada kadar sewaan yang lebih rendah dari kadar sewa di pasaran.

Sehingga kini sebanyak 1,011 unit telah dibeli oleh UDA dengan jumlah harga pembelian bernilai \$163,748,184. Dari jumlah lot-lot tersebut sebanyak 219 lot disewabeli, 280 lot dijual secara tunai, 327 lot disewakan, 88 lot masih dalam proses pembinaan dan jumlah 97 lot masih kosong.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Pusat Penyelarasan Ruangniaga telah ditubuhkan oleh UDA dengan objektif untuk mengadakan sebuah pusat yang mengendalikan penyebaran maklumat-maklumat mengenai peluang-peluang pembelian ruangniaga, iaitu rumah-rumah kedai, lot-lot perniagaan dan pejabat kepada Bumiputera. Bagaimanapun pusat ini tidak akan membeli ruang-ruangniaga yang diperuntukkan kepada Bumiputera itu.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan banyak tempat-tempat ruangniaga ataupun rumah-rumah yang dikhaskan kepada Bumiputera telah tidak dibeli oleh Bumiputera. Yang kedua, adakah Kementerian bersetuju sebabnya UDA menyediakan satu dasar baru mengenai pembelian ruang-ruangniaga atau rumah-rumah ialah kerana di masa-masa yang lampau banyak rumah-rumah yang disediakan dijual kepada Bumiputera tidak sesuai dari segi lokasi ataupun dari segi harga dan sebagainya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang Dipertua, antara sebab-sebab mengapa masih ada 97 lot-lot itu kosong ialah antara lain pertamanya ada daripada lot-lot itu telah pun disewakan kepada pihak-pihak tertentu dan pihak tertentu telah pun menamatkan sewaan ataupun telah keluar dan menunggu penyewa yang lain. Jadi untuk beberapa masa tertentu ia akan kosong. Keduanya, ada lot-lot itu lot yang baru sedia dan kunci belum diperolehi oleh UDA untuk diserahkan kepada Bumiputera yang berminat. Ketiga, ada juga kes-kes di mana perlu dijalankan kerja-kerja ubahsuai di lot-lot tersebut maka ianya masih kosong kerana belum boleh pindah pemilik ataupun tuannya baru dan ada daripada lot-lot ini juga yang masih belum mendapat tawaran apa-apa daripada pihak Bumiputera sungguhpun UDA telah mengiklankannya.

Dari segi yang kedua itu memanglah benar hingga seberapa takat bahawa di masa yang lepas Bumiputera tidak membeli sebahagian daripada ruang-ruangniaga ataupun lot-lot kedai yang diperuntukkan untuk mereka itu terutama yang didirikan oleh swasta kerana lot-lot itu tidak di tempat atau di lokasi yang strategik dan harganya

juga tidak sesuai tetapi ada juga sebabnya iaitu di masa yang lepas Bumiputera tidak mengetahui keseluruhannya di manakah letaknya ruang-ruangniaga yang ada yang boleh mereka beli atau sewa dan lain-lain ciri berkaitan dengannya. Jadi, berasaskan inilah ditubuhkan, yang saya katakan tadi Pusat Penyelarasan Ruangniaga di pihak UDA supaya Pusat Penyelarasan ini dapat mengetahui keseluruhannya. Buat permulaan di kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor di manakah ruang-ruangniaga atau lot-lot kedai yang telah dibina dan akan dibina oleh pihak swasta dan semua maklumat mengenai ruang-ruang ini diperolehi oleh pusat ini dan disebarkan maklumat ini seluas-luasnya melalui berbagai-bagai saluran seperti Dewan Perniagaan dan sebagainya bersama dengan memberi kemudahan kepada pihak Bumiputera mendaftarkan kemahuan masing-masing dan selepas itu UDA akan berunding dengan pihak pemaju bukan sahaja untuk memperuntukkan ruang-ruang tersebut kepada Bumiputera tetapi juga kalau boleh menyusuli bagi pihak mereka merundingkan kewangan dan juga merundingkan potongan harga.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Yang dikatakan tempat-tempat ataupun lot-lot di kawasan-kawasan yang strategik itu, apakah maknanya, adakah ini di bandar-bandaraya besar sahaja ataupun ini meliputi semua pekan-pekan utama di seluruh negara.

Keduanya, bagaimanakah pembiayaan pembelian kedai-kedai dan bangunan-bangunan ini oleh UDA. Adakah Kerajaan memberi peruntukan ataupun UDA pergi ke bank juga.

Ketiga, kalau UDA tidak membeli di semua negeri, kita ada PKEN yang memainkan peranan yang sama juga

seperti UDA di negeri-negeri. Adakah mungkin PKEN akan diberi arahan untuk menjalankan peranan yang sama. Dan akhirnya saya hendak bertanya tidakkah cara yang seperti ini iaitu bagi agensi Kerajaan membeli bangunan-bangunan kedai yang tidak hendak dibeli oleh Bumiputera pada masa ini akan mewujudkan artificial market, dengan izin, yang menguntungkan pemaju (developers) dan ini kalau dibuat secara besar-besaran, tidak mungkinkah akan mendatangkan masalah kewangan kepada agensi Kerajaan kerana modalnya terikat.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang Dipertua, mengenai tafsiran lot strategik itu ada dua tafsiran. Pertamanya ialah kalau lot-lot itu berasingan, misalnya dua kedai, tiga kedai memanglah tafsiran strategik itu kalau di ceruk pekan, kita tak hendak.

Kedua tafsirannya ialah kalau di dalam sebuah kompleks. Kalau lot niaga itu di sebalik tandas misalnya, ataupun di belakang tangga di mana orang tidak akan mungkin lalulalang maka kita tidak hendaklah lot itu diperuntukkan untuk Bumiputera. Saya percaya bukan bumiputera pun tidak akan hendak menyewanya kalau tempat itu begitu.

Tentang yang kedua, pembiayaan kewangan atau financing, ini adalah mengikut kadar-kadar cara biasa. Kalau melalui bank maka melalui banklah kita akan susuli tetapi kalau pemaju itu dapat menghubungkan end financingnya maka kita menyusuli di situ pula. Cuma UDA memudahkan dengan memberi sokongan kepada Bumiputera itu dan kalau boleh—jikalau boleh, mendapat syarat-syarat yang lebih molek.

Mengenai PKEN ini, Tuan Yang Dipertua, PKEN sendiri sedia maklum ada juga lot-lot niaga yang ia mendirikan sendiri yang dijual atau

disewa kepada Bumiputera. Jadi buat masa ini PKEN-PKEN tidaklah diarahkan untuk membeli lot-lot ini, memadailah kalau UDA berbuat demikian tetapi PKEN di setengah-setengah negeri ada bertugas menubuhkan unit-unit penyelarasan seperti di peringkat UDA juga untuk memberi kemudahan kepada bumiputera yang hendak membeli lot-lot niaga di negeri-negeri tersebut.

Yang ketiga, wujudnya, dengan izin, “artificial market” untuk pemaju-pemaju perumahan. Tuan Yang Dipertua, di sini kita hendaklah menengok apakah sebabnya kita berkehendakkan misalnya UDA membeli unit-unit ini.

Masalah atau pun punca masalah ialah di masa yang lepas bumiputera apabila masa tawaran dibuat oleh swasta untuk ruang-ruangniaga atau lot-lot UDA itu tidak mampu pada masa itu membeli ruang-ruangniaga tersebut.

Waktu masa tawaran dibuat dan jikalau tawaran ini tidak diberi optionnya kepada agensi seperti UDA untuk membeli dahulu nescayalah bumiputera itu di masa akan datang akan lepas peluang mendapatkan kedai-kedai tersebut.

Jadi sungguhpun mungkin secara tidak langsung akan wujud pasaran yang terjamin kepada pemaju tetapi ini dari pandangan jauh memberi keuntungan kepada bumiputera.

Kerana apabila sampai masanya mereka mampu membeli kedai tersebut maka UDA bolehlah menyerahkannya dengan membuat potongan harga yang sewajarnya dan juga mengenakan kos-kos memegang harta itu dengan izin, holding cost yang sewajarnya. Dan kalau sementara itu bumiputera belum mampu membeli boleh disewakan dahulu kedai tersebut dan akhirnya kelak boleh dirundingkan apa yang kita panggil rental

conversion, dengan izin, iaitu mengubahsuaikan sewaan tadi menjadi sebahagian daripada kos belian.

Dan dari segi kewangan izinkan saya menerangkan bahawa untuk UDA sahaja bagi tahun 1984, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$34 juta khas untuk UDA membeli ruang-ruangniaga seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah pihak Kementerian sedar bahawa terdapat lot-lot gudang yang telah dijual menerusi UDA kepada bumiputera telah dijual kembali kepada bukan bumiputera dengan mendapat keuntungan yang berlipat ganda.

Kalau pihak Kementerian sedar, apakah pihak Kementerian akan membuat satu dasar untuk menghalang berjual beli antara bumiputera kepada bukan bumiputera.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang Dipertua, ini ada segi Undang-undang. Tetapi izinkanlah saya menekankan bahawa memanglah tujuan kita apabila kita menjual sesuatu lot itu kepada seorang bumiputera, harapan kita ialah ia akan memegang milik lot itu sehinggalah bila-bila turun temurun hingga jenerasi akan datang. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa ada kala agaknya oleh kerana tawaran bukan bumiputera ini agak tinggi, maka dugaan untuk menjual itu adalah besar. Tindakan ini tidak dapat dibuat oleh UDA secara persendirian kerana kita tidak boleh menahan urusan jualbeli harta itu terutama selepas semua pembayaran telah diselesaikan dan pindahmilik lot itu telah pun dibuat kepada pembeli.

Apa yang UDA sedang membuat ialah berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya di mana yang boleh mengenakan syarat-syarat tertentu, misalnya kalau jualan itu hendak dibuat, hendaklah dirujuk semula kepada pihak yang berkuasa iaitu pihak yang berkuasa ke atas harta ialah pihak Kerajaan Negeri ataupun pihak berkuasa tempatan. UDA sendiri tidak boleh mensyaratkan seperti itu, hanya setakat merujukkan kepada pihak yang berkuasa tadi.

LEBUHRAYA KOTA BHARU—JOHOR BAHRU

10. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah rancangan lebuh raya Pantai Timur dari Kota Bharu ke Johor Bahru akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya tidak mempunyai rancangan untuk membina lebuh raya Pantai Timur dari Kota Bharu ke Johor Bahru.

Ini adalah disebabkan sebatang jalan raya sudah pun ada di Pantai Timur yang menghubungkan Kota Bharu ke Johor.

Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan jalan itu yang masih didapati boleh menampung kehendak-kehendak pengguna jalan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa Kerajaan khususnya Kementerian Kerjaraya tidak mempunyai rancangan untuk mewujudkan lebuh raya Pantai Timur iaitu daripada Kota Bharu ke Johor Bahru.

Soalan yang pertama, adakah Kementerian ini menyedari bahawa jalan raya dari Kota Bharu ke Johor

Bahru itu merupakan jalan terpenting di Pantai Timur dan penggunaannya pada masa ini sangat berleluasa.

Yang kedua, adakah Kementerian Kerjaraya juga menyedari bahawa jalan tersebut terutamanya daripada Endau, Johor ke Pekan di Pahang, adalah terlalu sempit sehinggakan apabila dua buah kenderaan yang besar berselisih, salah satu daripadanya terpaksa keluar daripada permukaan jalan sebenar.

Jika sedar tentang kedua-dua perkara tersebut, apakah langkah-langkah positif yang harus diambil oleh Kementerian ini bagi tujuan melebarkan jalan daripada Endau ke Pekan seperti yang saya sebutkan itu tadi dan juga apakah langkah-langkah yang positif untuk diambil kira di dalam tindakan pada masa-masa yang akan datang menjadikan jalan tersebut sebagai lebuh raya.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, pihak JKR sentiasa membuat kajian atas kesesakan jalan raya. Sepertimana yang terdapat di Pantai Barat, setelah didapati begitu sekali sesaknya maka pihak Kementerian saya telah pun membuat keputusan untuk mengadakan satu jalan raya yang lain di bawah kelolaan Lembaga Lebuh raya Malaysia.

Tetapi bagi jalan daripada Kota Bahru ke Johor ini di dapati tidak begitu sesak, bahkan kepada penggunaanya adalah satu jalan yang senang untuk membawa kereta, tanpa gangguan kereta-kereta lain, begitu sekali yang berlaku di Pantai Barat. Jadi oleh sebab itu tidak ada rancangan untuk kita mengadakan satu jalan raya yang lain buat sementara ini. Bagi kedudukan jalan yang sudah ada, ini adalah satu perkara biasa di mana jalan-jalan yang didapati yang telah disediakan lebih awal dahulu

berkehendakkan penglebaran dan penguatan bagi memperkuatkan jalan-jalan ini.

Jadi dari masa ke semasa dibuatnya pula kajian tertentu di antara satu bandar dengan satu bandar, maka kalau dikehendaki peruntukan telah diadakan untuk membaiki jalan-jalan daripada satu tempat ke satu tempat, bukannya secara menyeluruh daripada Kota Bharu ke Johor Bahru.

Sepertimana Yang Berhormat telah beritahu tadi memanglah pada hari ini kesesakannya berlaku di antara Endau dengan Pekan. Dan ini akan dibuat kajian oleh pihak JKR sama ada dengan cara peruntukan untuk melebarkan di antara dua bandar ini.

BERNAMA SEBAGAI SYARIKAT SWASTA

11. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak menjadikan Syarikat Berita Nasional (BERNAMA) sebagai sebuah syarikat swasta dan sekiranya ada, bilakah cadangan ini hendak dilaksanakan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, di antara keutamaan Kerajaan ialah membuat Pertubuhan Berita Nasional Malaysia berdikari dari segi kewangan. Atas sebab inilah kita telah memutuskan untuk menjadikan BERNAMA pengedar tunggal berita dan bahan berita asing termasuk pengedaran perkhidmatan data ekonomi, commercial dan kewangan sesuai dengan semangat Akta Penubuhan Berita Nasional Malaysia tahun 1967.

Mungkin pencapaian matlamat menjadikan BERNAMA sebagai sebuah Badan yang berkeupayaan sepenuhnya dari segi kewangan akan memakan masa yang agak panjang dan oleh yang demikian cadangan Ahli

Yang Berhormat ini masih lagi belum dapat dilaksanakan pada masa ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, bagaimanakah kadar pembayaran di dalam kita menerima berita daripada luar negeri dan juga berita-berita itu dibayar oleh surat khabar tempatan kepada pihak BERNAMA.

Yang kedua, sebagaimana yang kita tahu satu haribulan Mei ini akan dijadikan BERNAMA sebagai pengedar tunggal bagi menerima berita asing.

Dan apakah juga BERNAMA ini akan menjadi pengedar tunggal di dalam mengedarkan berita-berita dalam negeri. Berita yang terdapat dalam negeri ini dihantar ke luar-luar negeri. Jika ini dilakukan, apakah ini akan merupakan pendapatan yang lebih baik kepada BERNAMA.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan yang pertama saya berkehendakkan butiran-butiran, jadi saya minta notis.

Soalan yang kedua, untuk menjadikan berita-berita dalam negeri juga dapat disalurkan hanya melalui BERNAMA, ini berangkali satu perkara yang rumit sedikit untuk masa ini, jadi tidak dapat kita membuat demikian.

Tuan Yang Dipertua,: Ahli Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

Soalan No. 12 Y.B. Tuan Newman Gaban tidak hadir).

BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE—PENGODITAN

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan berapa kerap dan bilakah kali terakhir Bank Negara telah menjalankan

pengauditan atau penyeliaan kepada kegiatan-kegiatan Bank Bumiputra dan anak-anak syarikatnya di bawah Akta Banking 1973, jika tidak, mengapa, dan nyatakan penemuan-penemuan (findings) Bank Negara ke dalam pinjaman-pinjaman bernilai lebih seribu billion ringgit yang diberikan oleh Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong dan apakah tindakan yang diambil untuk membetulkan penyelewengan-penyelewengan yang telah berlaku.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, pemeriksaan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia ke atas Bank Bumiputra sama ada di peringkat Ibu pejabat, cawangan-cawangan mahupun anak syarikatnya adalah dibuat dari masa ke semasa mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan Seksyen 16 Ordinan Bank Negara, 1958 dan Seksyen 36 Akta Bank, 1973 menyatakan bahawa apa-apa penemuan yang diperolehi daripada pemeriksaan tersebut mestilah dirahsiakan daripada semua pihak kecuali kepada bank yang diperiksa itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, satu Badan Penyiasat akan ditubuhkan untuk menjalankan penyiasatan yang menyeluruh ke atas segala perkara yang berkaitan dengan pinjaman yang dibuat oleh Bumiputra Malaysia Finance supaya diketahui oleh kita.

Kerajaan berharap daripada hasil siasatan yang dijalankan itu, maka Kerajaan akan dapat mengambil segala tindakan sewajarnya.

Tuan Fung Ket Wing: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu manamana pegawai yang menjalankan pengauditan ke dalam Bank Bumiputra. Apakah hasil pengauditan tersebut dan mengapakah Bank Negara menutup matanya terhadap

pinjaman-pinjaman yang besar yang dikeluarkan oleh anak-anak syarikat Bank Bumiputra iaitu Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong yang memudharatkan kepentingan kewangan Bank Bumiputera dan negara?

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan yang pertama mengenai mana-mana pegawai itu, saya minta notis.

Bahagian yang kedua, seperti saya telah katakan tadi, ini adalah rahsia.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, oleh kerana naskah asal kita dalam bahasa Malaysia, adakah benar pinjaman yang bernilai seribu billion ringgit yang diberi dalam soalan ini. Jika tidak bena, menyatakan bahawa soalan ini adalah daripada orang yang tidak tahu masalah BMF?

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, saya sendiri tidak tahu.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai.

(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai tidak hadir).

Tan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan Bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 12, 14 dan 15 adalah diberi di bawah ini).

PELAJARAN BAHASA CINA DI SEKOLAH MENENGAH

1. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sukatan

pelajaran bagi Bahasa Cina di sekolah menengah sekarang ini telah digunakan lebih kurang 20 tahun tanpa sebarang perubahan dibuat padanya dan kandungannya dikatakan sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan zaman dan oleh yang demikian, sama ada Kementeriannya akan melantik satu panel pakar dalam Bahasa Cina untuk mengkaji dan merancang satu sukatan pelajaran baru yang lebih sesuai dengan keadaan sekarang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Saya sedar bahawa Sukatan Pelajaran Bahasa Cina untuk sekolah menengah telah digunakan agak lama. Bagaimanapun Sukatan Pelajaran bahasa Cina untuk sekolah rendah telah diperbaharui dan dilaksanakan bersama-sama dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Dalam sukatan pelajaran yang baru ini sistem tulisan mudah (simplified character) dan sistem sebutan Pinyin telah diperkenalkan. Lanjutan daripada pembaharuan ini, pembaharuan yang sewajarnya akan dibuat ke atas Sukatan Pelajaran Bahasa Cina untuk sekolah menengah. Bagi tujuan ini pakar-pakar bahasa tersebut akan dijemput memberikan buah fikiran mereka apabila tiba masanya kelak.

PERKHIDMATAN POS BIASA/EKSPRES

3. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Tenaga, Telekom, dan Pos menyatakan bagaimana Kementeriannya akan memperbaiki perkhidmatan Pos biasa dan Pos Ekspres kerana orang ramai mengadukan bahawa surat-surat seringkali didapati hilang atau lambat dihantar.

Menteri Tenaga Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Perkhidmatan Pos biasa dan Ekspres, serta lain jenis perkhidmatan Pos adalah berjalan dengan baik.

Walaupun bagaimanapun memandangkan Jabatan Perkhidmatan Pos mengendalikan lebih dari 6 juta benda pos setiap hari, maka adalah tidak dinafikan akan berlakunya satu dua kejadian surat hilang atau lambat sampai.

Bagi mempertingkatkan lagi Pkhidmatan Pos, Jabatan Perkhidmatan Pos sedang menjalankan kajian pada kaedah penggunaan POSKOD Kebangsaan.

Mengenai aduan dari orang ramai, setiap aduan yang diterima akan disiasat dengan teliti oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Dalam hal ini juga sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang aduan yang spesifik, Ahli Yang Berhormat bolehlah memberikan maklumat-maklumat itu, supaya disiasat dan tindakan pembetulan yang sesuai dapat diambil terhadapnya.

DASAR EKONOMI BARU— PENCAPAIAN

12. Tuan Newman Gaban minta Perdana Menteri menyatakan samada:

- (a) ekonomi Malaysia pada masa ini sedang berjalan dengan lancar dan mungkin akan berterusan bagi mencapai tujuan NEP sebelum 1990; dan
- (b) jika NEP gagal meneruskan tujuan ini adakah Kerajaan mengubah rancangan atau menyusun semula rancangan NEP selepas 1990.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Jawapan yang sama telah pun diberikan kepada pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 12-10-83 yang lalu. Dengan itu, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KOREAN AIR LINES DI TEMBAK JATUH OLEH RUSSIA

14. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Luar Negeri menyatakan selain daripada mengutuk Russia dengan menggunakan bahasa yang sekeras-kerasnya, apakah langkah-langkah yang lain dari segi politik, ekonomi, kebudayaan diambil oleh Malaysia terhadap Russia dalam masa jangka pendek dan jangka panjang mengenai penembakan satu jumbo jet kepunyaan Korea Selatan di mana 268 penumpang dari 12 negara terkorban termasuk Malaysia.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Saya mohon izin untuk maklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab pada 11-10-1983 semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kinta. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

MESYUARAT AGONG PERSATUAN NELAYAN/ SYARIKAT KERJASAMA NELAYAN

15. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan Syarikat Kerjasama Nelayan dan Persatuan Nelayan yang enggan mematuhi arahan untuk mengadakan Mesyuarat Agong mereka sebelum 30-9-83; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil terhadap mereka.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):

- (a) Tarikh akhir yang dibenarkan oleh Pendaftar untuk Persatuan Nelayan dan Syarikat Kerjasama Nelayan mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan

masing-masing tahun ini ialah 30hb September, 1983. Sebanyak 22 Persatuan Nelayan dan 27 Syarikat Kerjasama Nelayan gagal mematuhi arahan ini.

- (b) Pendaftar akan meminta Persatuan-persatuan Nelayan dan Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan ini memberi sebab-sebab kenapa mereka gagal mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya alasan yang diberi didapati tidak menasabah, tindakan akan diambil di bawah peruntukan seksyen 32 (c) Akta PN 1972 bagi Persatuan Nelayan dan seksyen 58 (1) (c) bagi Syarikat Kerjasama Nelayan.

**PENERANGAN SENDIRI OLEH
YANG BERTAMBAH AHLI DARI
ULU TERENGGANU DI
BAWAH S.O 14 (1)**

Pekerja-kekerja di Syarikat Hyundai.

3.35 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Saya mohon izin, Tuan Yang Dipertua, untuk membuat penjelasan untuk membuat penerangan sendiri di dalam Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua, Wakil dari Kota Melaka ketika membahaskan peruntukan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dalam Dewan ini pada hari Isnin yang lalu iaitu 28hb November, 1983 telah membuat tuduhan terhadap diri saya berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja tempatan di Ampangan Kenyir, Ulu Terengganu. Antara lain beliau menuduh saya memihak kepada Syarikat Hyundai dari Korea iaitu kontraktor yang membina ampangan tersebut dan tidak mengindahkan

aduan-aduan yang dibuat oleh pekerja-pekerja tempatan. Perkara ini telah dijelaskan sedikit-sebanyak oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di dalam jawapannya. Saya mengucapkan terima kasih atas kata-kata baik beliau terhadap diri saya, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih kerana telah membuat pembelaan terhadap diri saya semasa saya tidak berada di dalam Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua, untuk rekod, saya ingin menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kebijakan pekerja-pekerja ampangan tersebut sentiasa berada di dalam perhatian saya. Sebaik-baik sahaja masalah tersebut telah membangkitkan dalam tahun 1980, saya dan Jawatankuasa UMNO bahagian Ulu Terengganu dan juga Pemuda UMNO Negeri Terengganu telah mengadakan beberapa pertemuan dengan wakil-wakil pekerja di situ.

Dalam sidang Dewan Rakyat pada 1hb April 1981, saya telah membangkitkan masalah-masalah tersebut di dalam Dewan ini. Semua masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sebenarnya adalah serupa dengan apa yang telah saya bangkitkan 2 tahun 8 bulan yang lalu. Tuan Yang Dipertua, saya di sini ada Catatan Rasmi Parlimen, salinannya boleh saya sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk makluman beliau, walaupun beliau tidak ada dalam Dewan pada ketika ini. Dalam bulan Mei iaitu kira-kira sebulan kemudiannya, pekerja-pekerja tersebut telah melancarkan mogok selama 2 hari. Saya bersama-sama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri, kawasan Telempong iaitu tempat ampangan tersebut dibina telah segera campurtangan dan mengambil

segala ikhtiar sehingga mogok tersebut ditamatkan. Satu Perjanjian antara Syarikat Hyundai dan wakil-wakil pekerja telah ditandatangani. Ketika itu pekerja-pekerja berkenaan masih belum mempunyai persatuan. Berikut dengan ini beberapa bulan kemudian, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Yang Berhormat Ahli EXCO yang dipertanggungjawabkan dengan portfolio berkenaan dan dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh, Pejabat Daerah dan lain-lain jabatan Kerajaan. Saya juga bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat ADUN kawasan Telemong menjadi anggota Jawatankuasa tersebut. Beberapa pertemuan telah diadakan antara Jawatankuasa tersebut dengan wakil-wakil pekerja, wakil Syarikat Hyundai dan pihak LLN. Jawatankuasa tersebut telah pun selesai menjalankan tugasnya dan telah pun menyiapkan satu laporan dan dengan beberapa perakuan kepada Kerajaan Negeri.

Mengenai kejadian sekumpulan pekerja-pekerja Korea memukul seorang pekerja Syarikat SMEC (Snowy Mountain Engineering Corporation) iaitu syarikat perunding di projek tersebut pada 25hb September yang lalu, suka saya menjelaskan di sini bahawa saya telah campurtangan secara langsung untuk menyelesaikan perkara tersebut untuk mengelakkan keadaan genting antara pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja Korea. Satu perundingan telah diadakan dengan pihak Hyundai dan wakil-wakil SMEC dan satu perjanjian telah ditandatangani yang diterima dengan baik oleh semua pihak termasuk pekerja yang terlibat itu sendiri. Oleh yang demikian, adalah tidak munasabah untuk wakil dari Kota Melaka membuat tuduhan pula di Dewan ini bahawa saya tidak berbuat apa-apa mengenai pergaduhan tersebut. Nyatalah di sini bahawa masalah dan kebajikan para pekerja

tempatan di ampangan tersebut telah mendapat perhatian dan tindakan bukan sahaja daripada Wakil-wakil Rakyat yang berkenaan tetapi juga oleh Kerajaan Terengganu sendiri.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Untuk penjelasan. Adakah Wakil dari Kota Melaka datang ke kawasan Ulu Terengganu dan ke tempat kejadian itu dan adakah dia juga campurtangan dalam penyelesaian sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu sebutkan tadi?

Tuan Alias bin Md Ali: Kalau Tuan Yang Dipertua izinkan, saya menjawab, tidak. Wakil dari Kota Melaka tidak pernah menjejakkan kakinya ke kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang Dipertua: Saya minta perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam masa penjelasan, tidak ada tanya-menanya ataupun soal jawab dalam masa penjelasan diri. Sila teruskan. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain jangan minta penjelasan apa-apa.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya di antara saya dan wakil dari Kota Melaka itu tidak sedikit pun berselisih faham dalam soal kebajikan pekerja-pekerja tempatan di Ampangan Kenyir. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah membangkitkan seorang pegawai tempatan di Syarikat Hyundai yang menjadi keluarga saya yang menurut beliau berlagak lebih Korea dari orang Korea.

Saya suka menjelaskan di sini sebagai seorang warganegara, beliau mempunyai hak yang sama dengan lain-lain warganegara untuk mencari rezki di mana-mana juga dan berhak pula memilih untuk memihak kepada majikan atau pekerja-pekerjanya. Dalam hal ini, suka saya menegaskan iaitu tindakan-tindakan dan sikap saya

dalam masalah yang menyentuh kebajikan pekerja-pekerja tempatan di Ampangan tersebut tidak sedikit pun dipengaruhi oleh kedudukannya di dalam Syarikat itu. Beliau sudah pun memegang jawatan di situ semasa saya mengemukakan kes pekerja-pekerja tersebut di dalam Dewan ini dalam tahun 1981.

Saya merasa amat tidak wajar bagi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh peribadi pegawai yang berkenaan, sedangkan dia tahu bahawa pegawai tersebut tidak boleh membela dirinya di dalam Dewan ini. Sekian, Tuan Yang Dipertua, terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari keenam Belas).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 65 (Jadual)—

Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 65 dan Kepala Pembangunan P. 65 di bawah Kementerian Pembangunan Negara

dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

3.45 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Terima kasih, Tuan Pengerusi. B 65, Butiran 1100, Program (1)—Pentadbiran Am. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar saya memandangkan bahawa Kementerian ini adalah merupakan satu Kementerian yang penting di dalam usaha untuk membangunkan masyarakat di luar bandar. Apa yang dapat sekarang ini difahamkan bahawa pertambahan kakitangan bagi kementerian ini telah tidak dapat diluluskan. Memandangkan ianya merupakan satu Kementerian yang penting dan jumlah kakitangan yang tidak cukup sudah pastilah Kementerian ini tidak dapat berjalan dengan baik untuk memberi khidmat yang baik kepada masyarakat. Kementerian ini walaupun pada zahirnya merupakan satu Kementerian yang kecil dari segi jumlah pekerja-pekerja atau pegawai-pegawainya tetapi sumbangan yang diberikan kepada masyarakat adalah besar. Dengan itu saya minta kepada pihak Kerajaan supaya dapat membenarkan pertambahan kakitangan kepada Kementerian ini bagi membolehkan ianya bergerak dengan baik.

Tuan Pengerusi, Program (2), Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa. Program ini adalah merupakan satu program yang baik pada pandangan saya. Ia merupakan suatu sumbangan hasrat cita-cita Kerajaan untuk disampaikan kepada masyarakat di kawasan luar bandar. Tetapi ada berapa perkara yang saya rasa tidak puashati terutama tentang kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pihak KEMAS di peringkat-peringkat daerah. Boleh jadilah satu program yang tidak sempurna dan tidak kukuh telah tidak dibuat oleh penyelia-penyelia bagi satu-satu

daerah. Misalnya, mereka tidak mempunyai satu program yang teratur bagi pemaju-pemaju masyarakat dan usaha untuk membangunkan satu kampung. Rancangan Desa-usaha misalnya, walaupun diletak seorang pemaju masyarakat bagi memajukan sebuah kampung tetapi kampung itu sehingga tiga, empat tahun selepas pemaju mesyarakat itu dilantik masih lagi wujud sebagai kampung biasa yang penuh dengan hutan rimba. Jadi, saya menggesa pihak Kerajaan supaya memperkemas pentadbiran, kemas yang kurang kemas ini bagi membolehkan ianya bergerak dengan baik dan matlamat Kerajaan dapat dicapai melalui perlantikan, melalui program yang sempurna oleh pihak KEMAS ini.

Program yang ketiga iaitu Pembangunan Koperasi, muka surat 671. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun berjaya di dalam usahanya untuk memperkemas koperasi-koperasi ini. Sepanjang yang saya dapati bahawa pihak Koperasi telah pun menerima suatu tamparan yang hebat yang telah dibuat oleh pihak Kementerian dengan hasrat yang baik oleh Kementerian iaitu untuk mengembalikan kepercayaan masyarakat, mengembalikan kepercayaan ahli-ahli Koperasi terhadap Koperasi Induk itu sendiri, iaitu mengenai pengoditan kira-kira tahunan yang telah dengan tegas dikemukakan oleh pihak Kementerian supaya ianya diselesaikan dalam masa yang ditentukan. Ini merupakan suatu langkah yang baik, langkah yang bijak dan ianya perlulah dicontohi oleh Kementerian-kementerian yang lain yang mempunyai anak-anak syarikat sehingga dua atau tiga tahun akaunnya tidak dapat diudit oleh pihak Odit yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Satu hal lagi, pihak Kementerian juga telah pun menubuhkan Koperasi

Pembangunan Daerah. Koperasi Pembangunan Daerah ini pada pandangan saya adalah merupakan satu Koperasi yang baik. Ianya bertujuan untuk menghidupkan kembali konsep gotong-royong di kalangan masyarakat. Dengan itu saya meminta supaya Koperasi Pembangunan Daerah ini diperluaskan ke daerah-daerah yang belum lagi ditubuhkan Koperasi ini. Dengan adanya Koperasi ini saya yakin bahawa masyarakat setempat akan dapat menikmati pembangunan Kerajaan yang sedang dilancarkan.

Di bawah Butiran 4100, Program 4—Majlis Amanah Rakyat, muka surat 673. Sejumlah \$80,427,000 telah diperuntukkan bagi program ini. Saya telah menerima teguran-teguran daripada pemilik-pemilik teksi yang telah pun mendapat pinjaman MARA dan kemudiannya telah membeli teksi yang baru. Sebab-sebab mereka membeli teksi yang baru ini ialah kerana pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun menetapkan bahawa motokar yang berumur 10 tahun tidak boleh dijadikan, tidak boleh dilesenkan sebagai teksi. Ini saya pandang sebagai satu bentuk kurang penyelarasan di antara Jabatan-jabatan Kerajaan. Pihak JPJ telah pun mengenakan peraturan bahawa hanya teksi-teksi yang berumur kurang daripada 10 tahun boleh dilesenkan sebagai teksi. Sedangkan sekarang ini teksi-teksi lama pun telah boleh digunakan. Rungutan yang saya dengar ialah disebabkan oleh peraturan yang dikenakan oleh pihak JPJ maka mereka telah terpaksa mengambil pinjaman penuh daripada pihak MARA untuk membeli teksi. Katanya kalau sekiranya pihak JPJ tidak menetapkan bahawa umur kenderaan itu had 10 tahun mereka boleh jadi hanya akan mengambil pinjaman setakat harga motokar yang diluluskan oleh pihak JPJ untuk dibuat teksi. Dan sekarang ini keupayaan untuk membayar balik adalah menjadi

satu masalah yang besar kepada pemandu-pemandu teksi.

Sekarang ini saya hendak memohon, meminta supaya keadaan ini dikaji semula. Kalau sekiranya pemandu teksi itu tidak dapat membayar kadar yang ada sekarang teksinya dirampas semula oleh pihak MARA dan kemudian dilelong. Apa yang saya tahu bahawa teksi-teksi yang dirampas oleh pihak MARA, diambil balik oleh pihak MARA ini telah tidak dapat dilelong. Tidak ada orang yang sanggup untuk membeli. Kalau pun dapat dibeli dengan harga yang murah. Dan dengan ini pihak Kementerian akan mendapat kerugian, menanggung kerugian hasil daripada ini. Jadi, jika sekiranya satu kadar baru dapat diselesaikan, dapat diterima pihak Kementerian dapat memungut hasil itu walaupun dalam kadar jangka masa yang lebih panjang, tentu ia tidak merupakan satu beban yang berat, tanggungan hutang yang berat oleh pihak Kerajaan. Saya hendak memohonlah kepada pihak Kerajaan supaya dapat menimbangkan satu kadar baru bagi teksi yang telah pun berjalan bagi pemandu-pemandu, pemilik teksi yang tidak sanggup untuk membayar jumlah yang bulanan yang dihaskan supaya dapat sekurang-kurangnya Kementerian mengambil balik hutang pemilik-pemilik teksi ini.

P. 65, Butiran 6, Tuan Pengerusi—Karyaneka, muka surat 624.

Di dalam bidang ini boleh dikatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkaitan semuanya bercakap mengenai soal pertumbuhan industri kampung ini akan secara langsung memberi pendapatan tambahan kepada penduduk-penduduk kampung. Tetapi yang mendukacitakan saya ialah hanya token \$10 diberikan kepada program

ini. Jadi, macam manakah program ini akan dapat dilaksanakan sedangkan Perdana Menteri sendiri baharu-baharu ini berucap mengatakan pentingnya soal pertumbuhan industri kampung ini melalui Karyaneka. Kalau sekiranya \$10 ini tidak ditambah, saya yakinlah bahawa program ini tidak dapat dijalankan. Ianya perlukan modal untuk berjalan. Jadi, kalau sekiranya tidak ada modal maka sudah pastilah tidak dapat program ini dijalankan.

Butiran 17—Bekalan Elektrik Luar Bandar, muka surat 676.

Saya tidak mahu lagi hendak bercakap soal kekurangan peruntukan bagi program ini kerana telah beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini saya telah pun bercakap mengenai kekurangan peruntukan yang berjumlah \$70 juta itu adalah merupakan satu peruntukan yang hanya akan menjelaskan projek-projek bagi tahun 1983 yang akan dilaksanakan pada tahun 1984. Jadi projek bagi tahun 1984 makna kata tidak ada. Perkara yang saya hendak sebutkan di sini hanya satu, peruntukan disediakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar; rancangan dibuat oleh Bahagian BELB Lembaga Letrik Negara pada tiap-tiap negeri, Perancangannya adalah mustahak. Apa yang terjadi yang merunsingkan saya ialah bentuk perancangan talian yang ditarik di peringkat penyediaan, peringkat kampung. Sekarang ini kampung yang berhampiran dengan pekan tidak dapat, kampung yang lebih jauh diberi dengan alasan kemudahan teknik. Kita tidak tahulah sama ada teknik yang macam mana difikirkan oleh Jurutera BELB ini, yang kampung lebih jauh diberi, kampung yang dekat tidak diberi. Kalau macam inilah masalah tekniknya maka akan bertambah sulitlah. Kita ini Wakil-wakil Rakyat boleh jadi akan menerima kunjungan wakil-wakil

penduduk yang berdekatan, hanya satu batu dari pekan, ada kampung yang tidak mendapat bekalan elektrik ini. Ini yang mendukacitakan saya. Saya berharap supaya perancangan ini mestilah mengikut kehendak pentadbiran pada peringkat daerah, misalnya senarai yang dikeluarkan oleh Pegawai-pegawai Daerah dengan mendapat pandangan boleh jadi daripada Wakil-wakil Rakyat untuk tidak menimbulkan masalah kepada masyarakat kampung di dalam memikirkan hal elektrik ini.

Perkara yang terakhir, Butiran 25—Amalan Makan dan Pemakanan, \$3 juta diperuntukkan.

Saya berterima kasih kepada pihak Kementerian yang mencuba satu konsep baharu di dalam Amp ini, dahulunya Amp ini hanya sekadar untuk memberi minum susu dan makan kepada kanak-kanak sekolah. Tetapi sekarang ini AMP ini telah berubah konsep. Satu-satu kampung telah diperuntukkan kampung-kampung yang dipilih kampung pendalaman telah diperuntukkan lebih daripada \$100,000 untuk memajukan unsur-unsur perindustrian kampung yang boleh dimajukan bagi satu-satu kampung itu. Ini pun memerlukan satu Jawatankuasa pada peringkat daerah. KEMAS juga memainkan peranan yang penting di dalam menjalankan usaha AMP ini, selain daripada jabatan-jabatan Kerajaan seperti Pertanian, Haiwan, KEMAS, Pejabat Daerah. Jawatankuasa ini telah pun berbincang bagi mengadakan satu program bagi dilaksanakan dengan peruntukan wang sebanyak \$100,000 itu dengan harapan bahawa kampung itu akan bertukar wajah dan sumber-sumber kampung itu dijadikan sebagai punca untuk menghidupkan industri kecil kampung.

Jadi, dalam soal ini saya mohon supaya peruntukan ini yang sebanyak \$3 juta ini sudah pastilah tidak akan

cukup bagi membiayai projek program AMP ini pada peringkat kampung. Misalnya program negeri Kedah hanya kita dapat pada tahun 1983 adalah tiga kampung sahaja sedangkan kampung-kampung adalah banyak dan sudah pastilah tidak akan cukup kalau dibandingkan dengan jumlah kampung-kampung yang terdapat di negara ini.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya adalah menyokong peruntukan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Baling.

3.55 pgt.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Pengerusi, saya turut serta membahas perkara P. 65, Butiran 17, muka surat 676 iaitu Bekalan Elektrik Luar Bandar sebanyak \$77,000,000.

Diharap pihak Kementerian dapat melaksanakan dengan segera mana-mana projek ketinggalan, bagi seluruh kawasan yang mana didapati 10 atau 15 buah rumah ketinggalan yang mana projek ini selalu disungut, dirayu oleh pihak-pihak yang berkenaan. Kadangkala ketinggalan berlaku kerana kekurangan kesedaran awal dan juga kadangkala oleh sebab kedudukan rumah tersebut terpencil dan berjauhan dari kampung yang sedia ada.

Keduanya, Tuan Pengerusi, juga bagi kawasan yang terputus di antara dua projek bekalan elektrik kiri kanan ataupun sebelah menyebelah yang telah mendapat nikmat elektrik, umpamanya di kawasan Parlimen saya Baling, ada kampung Dalam Luar, Kampung Cheroh Kerian, Cheroh Sik dan Kampung Serako yang mana kawasan ini di tepi jalan raya ada mempunyai 2 buah sekolah, 2 buah Klinik Bidan dan 2 buah masjid dan beberapa madrasah di kawasan

tersebut diduduki oleh orang-orang luar bandar yang sedia taat setia dan mempunyai juga penduduk-penduduk orang Thai, penduduk-penduduk kawasan ini telah menyahut seruan Kerajaan dengan membuka semula tanah-tanah terbiar dan mengadakan beberapa puluh kolam ikan air tawar dan jika pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dapat mengadakan kemudahan elektrik dengan segera maka dengan demikian akan memberi lebih kegiatan dan galak untuk kemajuan penduduk-penduduk di kawasan tersebut selain daripada mendapat nikmat kemerdekaan dan kemudahan asas.

Tuan Pengerusi, bagi Butiran 25, muka surat 677—Pembangunan Masyarakat, (i) Menaikkan taraf jalan kampung \$40 juta.

Saya berharap pihak Kementerian akan mengkaji semula di atas menaiki taraf jalan-jalan di luar bandar, kalau boleh dapat dibuat lebih luas sedikit iaitu sekurang-kurangnya antara 8 kaki atau 12 kaki bagi tanah yang jalannya sedia ada supaya tidak menjadi masalah masyarakat manakala dibina dan akan mengurangkan prestasi kemajuan rakyat jelata diluar bandar. Diharap berusahasama supaya pihak Kementerian Pembangunan Negera dan Luar Bandar bersama dengan pihak Kerja Raya dapat mengekal dan mengetarkan bagi dua jalan luar bandar di kawasan sempadan yang mana jalan tersebut telah dibina selama 12 tahun lalu dengan tanah merah oleh pihak JKR dengan kerjasama Pegawai Daerah tetapi sehingga pada hari ini belum lagi ditar. Jalan-jalan tersebut adalah luas dan juga diguna untuk menjaga keselamatan dan tentera selalu meronda di kedua-dua jalan tersebut iaitu jalan dari Batu 7, Jalan Keroh ke Bongor dan Jalan dari Batu empat puluh lapan setengah, Jalan Wing ke Sungai Lima, Mukim Pulau.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya menarik perhatian bagi B. 65, Butiran 4100—Perbadanan Kemajuan Kraftangan.

Saya tertarik hati dengan penerangan-penerangan yang dibuat oleh pihak Kementerian yang mana telah menjalankan industri kecil dan usaha kraftangan bagi 8 buah pusat di daerah yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian dan diharap pihak Kementerian dapat mengawasi industri-industri tersebut supaya dapat berjalan dengan terus berkemajuan dari masa ke semasa sebagai contoh kepada perindustri-perindustri Bumiputera yang lain, selain daripada dapat mengadakan kehendak pasaran dunia darinya.

Tuan Pengerusi, saya percaya banyak lagi terdapat perusahaan-perusahaan dan industri kecil yang telah diusaha oleh bumiputera di luar bandar hidup segan mati tak mahu dan ada pula yang berjalan baik tetapi tidak ada pasaran untuk dijual. Supaya lebih pesat pengeluaran mereka, saya harap pihak MARA melipat gandakan peruntukan pinjaman untuk perusahaan-perusahaan dan industri kecil tersebut dan pihak khidmat dan Nasihat MARA dapat diperluaskan lagi perkhidmatan nasihat dan menyiasat dan mengkaji semua perindustrian-perindustrian kecil di luar bandar yang sedia ada supaya dapat dikenal pasti apa yang perlu diberi pertolongan selain daripada kewangan yang diperlukan mengadakan kira-kira peniagaan yang teratur, usaha lawatan sambil belajar hendaklah diadakan kepada mereka bagi melawat industri yang telah maju sama ada dalam negeri atau di luar negeri.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja saya menyokong B. 65 dan P. 65 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

4.00 ptg.

Tuan Ban Hon Keong (Batu Gajah): Tuan Pengerusi, pada petang ini, saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan ke atas masalah-masalah kawasan saya—Batu Gajah. Lembah Kinta adalah kawasan pengeluaran bijih timah yang termasyhur di dunia. Bandar Kampar dan Batu Gajah adalah bandar-bandar yang mempunyai sejarah lebih dari seratus tahun. Ia telah membangun mengikut perkembangan perusahaan bijih timah. Bilangan penduduk telah meningkat tahun demi tahun. Tetapi dari segi pembangunan baru dari Kerajaan ia boleh dikatakan langsung tidak ada; tambahan pula, pada tahun-tahun kebelakangan ini, penduduk-penduduknya terpaksa menderita kerana banjir-banjir yang sering berlaku itu.

Tuan Pengerusi, penduduk-penduduk dalam kawasan Batu Gajah, mereka telah menyumbangkan tenaga usaha mereka, sebagai seorang rakyat yang taat setia terhadap bangsa dan nusa. Tetapi, sedih dikatakan, kebajikan mereka sendiri langsung tidak dapat perhatian pihak Kerajaan, walaupun bandar atau kampung mereka sering dilanda banjir.

Tuan Pengerusi, sebab-sebab yang mengakibatkan banjir di bandar Kampar dan Batu Gajah adalah seperti berikut:

- (i) penduduk dan kediaman kian bertambah, tetapi sistem parit longkang masih kekal sepertimana berpuluh tahun dahulu. Oleh yang demikian, macam mana ia dapat dielakkan dari berlaku bah semasa musim hujan;
- (ii) sistem taliair di sekeliling bandar-bandar ini selalu ditambak atau disekat dan air

tidak dapat mengalir lagi ia diakibatkan oleh perjalanan perusahaan-perusahaan yang terlibat; dan

- (iii) oleh kerana parit longkang di dalam kedua-dua bandar ini tidak pernah dibesarkan atau didalamkan sejak ia dibina berpuluh tahun dahulu, ia memang tidak sesuai lagi pada hari ini.

Oleh yang demikian sebab-sebab yang tersebut, bandar Kampar dan Batu Gajah sering berlaku bah pada musim hujan. Saya pernah melawat kawasan tersebut semasa banjir berlaku. Keadaan adalah amat buruk, paras air naik sehingga tiga kaki dalamnya. Oleh itu, saya merayu kepada pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji keadaan banjir di kedua-dua buah bandar itu agar masalah banjir di situ dapat diselesaikan dengan sempurna.

Saya berharap selepas pihak Jawatankuasa menyediakan laporan, tindakan akan diambil bagi melaksanakan apa sahaja langkah-langkah yang perlu bagi memastikan yang banjir tidak akan berlaku lagi di kawasan saya.

Akhirnya, saya menyokong dengan penuh Anggaran Belanjawan Maksud 65 yang diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam Belanjawan 1984.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjawab dan menggulung.

4.06 ptg.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya

mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat tiga orang yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai beberapa bidang kerja Kementerian di antaranya ialah MARA berkaitan dengan teksi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sama ada teksi yang dibeli itu masih baru ataupun teksi lama, tetapi tidak sampai umur 10 tahun, umurnya semua yang meminjam wang MARA yang membayar mengikut rancangan adalah mampu membuat pembayaran kerana pendapatan daripada urusan teksi adalah lumayan. Apabila pihak MARA mengambil tindakan untuk merampas teksi yang hutangnya tidak dibayar, boleh dikatakan semua yang dirampas teksiya telah datang untuk mengambil balik, kecuali jika hutang yang lebih besar ataupun lebih banyak daripada harga teksi itu sendiri. Pada waktu itu mereka tidak mengambil balik teksi yang sudah begitu uzur kerana dengan tidak membayar dan teksi dirampas mereka boleh mendapat sedikit keuntungan. Oleh itu tidak ada masalah berkaitan dengan penarikan teksi sehubungan dengan pinjaman MARA.

Mengenai karyaneka, walaupun peruntukannya hanya \$10 tetapi itu hanyalah token yang menggambarkan cita-cita yang lebih besar dapat dilaksanakan apabila kita mempunyai peruntukan yang lebih besar. Sebagai makluman pada tahun lepas, tidak ada langsung di dalam peruntukan bagi Karyaneka, tetapi jelas bagi Ahli Yang Berhormat Ulu Muda bahawa program Karyaneka terus membangun. Bererti walaupun kelihatan \$10 tetapi banyak jalan lain kita boleh buat untuk mendapat bantuan wang tambahan daripada Kerajaan kemudian nanti.

Saya tidak ingin menyentuh mengenai elektirk luar bandar dan jalan luar bandar kerana program ini akan ditambah dari masa ke semasa bergantung kepada kemampuan kewangan. Jika ada kecacatan di sana sini ianya dapat diselesaikan dengan perundingan dan saya mengambil perhatian kepada teguran Yang Berhormat dari Ulu Muda dan Baling supaya perancangan yang lebih rapi dibuat. Begitu juga mengenai amalan makanan dan pemakanan, konsepnya sudah diubah untuk mengadakan industri kampung sebagai satu cara bantuan yang baru. Oleh itu, tambahan peruntukan akan diadakan nanti jika sekiranya program yang ada di dalam peruntukan yang diadakan sekarang memuaskan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Baling berkaitan dengan tidak adanya pasaran bagi hasil industri kampung, ingin saya memaklumkan bahawa masalah sekarang di Pusat Perkampungan KARYANEKA ialah tidak ada barang, bukan tidak ada pasaran. Oleh itu saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu kepada mereka di sana yang memerlukan pasaran supaya berhubung dengan Pusat Perkampungan Pemasaran Industri Kampung.

Mengenai tidak puasnya hati Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda atas prestasi KEMAS, saya sendiri sebenarnya tidak puas hati. Oleh itu sama-samalah kita tidak puas hati untuk dapat nanti kita berusaha supaya KEMAS yang merupakan sebuah organisasi yang besar dengan tradisi cara kerja lama dapat dipermodenkan cara pendekatannya kepada projek-projek dan juga kita akan memperbaiki cara pengurusan ataupun pentadbiran KEMAS di peringkat kampung. Walau bagaimanapun, KEMAS sekarang sudah menjadi sebuah institusi yang lebih berdisiplin dan kita harus berterima kasih kepada KEMAS

kerana kejayaan mereka menjayakan KARYANEKA.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda atas ucapan tahniah dalam urusan Koperasi dan mengenai Koperasi Pembangunan Daerah. Insya Allah, kita akan memperbanyakkan Koperasi ini jika ada sambutan daripada masyarakat.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah supaya jawatankuasa ditubuhkan untuk menyasiat masalah banjir, ini adalah di luar bidangkuasa Kementerian saya. Supaya projek saya ini berjaya perlu ada banjir, setelah ada banjir baru saya menempatkan semula mangsa-mangsa banjir. Oleh itu perencanaan untuk memelihara keadaan supaya tidak ada banjir ialah di luar bidangkuasa. Walau bagaimanapun saya akan menyampaikan kepada yang berkenaan mengenai hasrat dan cita-cita Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$181,861,100 untuk Maksud B. 65 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$181,861,100 untuk Maksud B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$543,950,080 yang disebutkan dalam Maksud P. 65 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$543,950,080 untuk Maksud P. 65 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1983 adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1984, dan

bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MANUVER TENTERA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Oktober, 1983).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus teruskan ucapan.

4.19 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahirrahmanirrahim. Wasallallahu-'ala-Saidina Muhammad wa'ala-alihiwasahbihi-ajmain.

Tuan Yang Dipertua, saya menyambung ucapan saya yang lalu dalam Rang Undang-undang Manuver Tentera ini.

Dalam segi perkhidmatan latihan kepada tentera-tentera kita, rasa saya tidak kurang sebagaimana negara-negara lain juga. Begitu juga dalam segi senjata-senjata, tidak juga kurang sebagaimana tentera-tentera di negara lain. Tetapi ada suatu yang rasa saya berkurangan tentang latihan, dalam

bahasa Arab menyatakan, dengan izin, "Qadri-bisyor", iaitu latihan perasaan, latihan keberanian; sebab tentera adalah bergantung kepada keberanian.

Sekiranya tidak ada keberanian walau sekalipun ada mempunyai senjata yang banyak, walau sekalipun ada mempunyai kemampuan yang banyak, kesemuanya itu akan terhapus dengan sendirinya tanpa keberanian. Maka keberanian ini bukanlah bergantung kepada kemampuan kebendaan yang ada sekeliling kita, keberanian datangnye daripada kesedaran dan keinsafan dan memahami terutama sekali memahami tentang kewajipan-kewajipan terhadap negara, agama, bangsa dan sebagainya.

Maka untuk mendapatkan perasaan-perasaan ini tidak lain tidak bukan ialah dengan diberi perangsang sebagaimana apa yang Rasulullah s.a.w. buat kepada tenteranya iaitu selalu diberi nasihat-nasihat dan pidato-pidato yang berperangsang dan bersemangat sehingga Rasulullah s.a.w apabila pidato kepada tentera-tenteranya sehingga sampai merah mata Rasulullah. Ertinya semangat. Maka dengan semangat-semangat inilah datang kepada keberanian. Kenapakah tentera kita ada terlibat kepada dadah misalnya? Itu tidak lain tidak bukan ialah kerana kurang pengajaran, kurang keinsafan, kurang merasai tanggungjawab kalau sekiranya tentera sanggup terlibat di dalam dadah ertinya tentera itu bukan tentera berani. Dia akan lari di medan perang dengan sendirinya.

Maka saya mengesyorkan kepada pihak Kementerian Pertahanan supaya mengadakan ceramah-ceramah yang berperangsang kepada tentera-tentera terutama sekali ceramah-ceramah itu ialah dalam aliran-aliran agama. Umpamanya kata tiap-tiap askar mesti dia sebagaimana apa yang disabda oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang

maksudnya kasih kepada negara setengah daripada iman.

Apabila ada perasaan dirinya seorang kasih kepada negara itu satu daripada iman, membawa mereka rasai di dalam tentera ini adalah mereka sebagai satu ibadat. Memang ya, tentera-tentera, askar-askar yang duduk di tebing-tebing sempadan, yang duduk di dalam hutan, seksakan diri sekiranya dia ikhlas hati, memang itu adalah satu ibadat yang dihargai oleh Allah s.w.t. Maka di manakah perasaan-perasaan ini akan ada sekiranya kita tidak memberi?

Dengan demikian, pihak Kementerian Pertahanan patutlah mencari pensyarah-pensyarah, ahli-ahli pidato yang bijak pandai yang boleh memberi pidato-pidato kepada askar-askar kita dalam segi perangsang dan keberanian. Kerana Pepatah Arab berkata, maksudnya, keberanian itu adalah kunci kemenangan. Bukan senjata itu kunci kemenangan. Keberanian itu adalah kunci kemenangan.

Dalilnya, masa perang Israel dengan Arab tahun 1967, ketika itu saya berada di Mesir, masa perang. Askar-askar Arab tinggal kereta-kereta kebal mereka, tinggal meriam-meriam mereka, tinggal senjatapi-senjatapi mereka lari; berpuluh-puluh ribu Arab lari tinggal senjata. Kerana apa? Kerana penakut, tidak berani. Senjata keberanian itu tidak ada pada mereka. Maka kereta-kereta kebal dan senjata-senjata habis ditinggalkannya. Itulah sebabnya dikatakan berani itu adalah anak kunci kemenangan.

Maka hari ini kita mesti bertanya kepada askar-askar kita, Kerajaan mesti bertanya adakah askar-askar kita ini askar yang berani ataupun yang sebaliknya? Sekiranya tidak dilatih, sudah tentu tidak akan datang keberanian. Sebab kita pernah baca

sejarah Indonesia masa rebut negaranya daripada tangan Belanda, senjata-senjata ini tidak begitu banyak, hanya dengan parang, buluh, kayu. Akan tetapi oleh kerana semangat yang diberi oleh Sukarno, pidato yang berapi-rapi hingga mereka berani boleh tebus negaranya dari tangan Belanda yang begitu kuat. Itu semua kerana berani.

Dan lagi saya mengesyorkan kepada Kementerian Pertahanan supaya kita melatih askar-askar kita kepada menggunakan senjata-senjata lama iaitu senjata-senjata yang dikatakan dalam bahasa Arab "silahul arbia", dengan izin, Tuan Yang Dipertua, iaitu senjata-senjata lama ataupun senjata-senjata golok-parang (traditional weapons). Begitulah kalau tidak silap saya. Sebab senjata-senjata ini hari ini hari dunia moden kita sudah lupa kepada pedang, kita sudah lupa kepada parang, kita sudah lupa kepada tombak, kita sudah lupa kepada lembing, kita sudah lupa kepada panah. Pada hal itulah senjata asas lebih-lebih lagi kalau negara kita negara yang serba tidak mencukupi. Negara yang tidak berkemampuan 100% membeli senjata moden kerana disebabkan banyak lagi perkara-perkara kepentingan-kepentingan terhadap negara kita yang mahu dikemaskan. Maka senjata-senjata "silahul arbia" (traditional weapons) ini dia berguna ketika kesuntukan-kesuntukan. Lembing, hari ini di rumah-rumah, lembing itu sudah disimpan sebagai perhiasan sahaja, tombak-tombak sebagai perhiasan sahaja. Ini kesemuanya adalah senjata, kemudian di masa-masa depan keadaan kemodenan-kemodenan negara ataupun dunia hari ini adakah berkekalan? Kalau sekiranya Allah s.w.t. hapuskan kilang petrol, petrol di dunia maka segala senjata-senjata moden semuanya tidak laku, semuanya tidak bergerak, maka akan kembali kepada senjata-senjata lama.

Indonesia askar-askar mereka ada yang bijak tentang membaling pisau, sekiranya seteru-seteru yang tidak begitu heboh memadai dengan pisau, mereka membekali pisau di keliling pinggang dan mereka boleh membaling pisau kepada setengah daripada dua tingkat rumah, dia boleh baling dengan pisau, boleh dijatuhkan seteru itu. Dan latihan-latihan askar di setengah negara ada latihan yang dikatakan dalam bahasa Arab "junudul ifdak" tentera-tentera katak, katak dalam air dipanggil tentera katak, iaitu tentera yang boleh menyelam lama, yang boleh menyuluh, boleh pergi menghadapi seteru-seteru dengan menyelam lama. Maka bukan setakat ini dilatih oleh negara-negara yang ada pada masa ini tentang ini dilatih oleh negara-negara yang ada pada masa ini tentang berenang, tentang menyuluh, menyelam lama, itu adalah ajaran-ajaran Islam sejak dahulu kala lagi Rasulullah s.a.w suruh perintah kepada umat-umatnya supaya mempelajari berenang dan menyuluh. Itu satu daripada alat-alat untuk kemenangan di dalam peperangan.

Yang kedua, dalam tajuk ini saya suka menyeru kepada Kementerian Pertahanan supaya mengadakan satu battalion dinamakan Batalion Asli iaitu battalion terdiri daripada Orang-orang Asli kerana hari ini di negara kita, Orang-orang Asli bukan sedikit, beribu-ribu Orang Asli pemuda-pemudanya yang gagah-gagah berani, maka menuhkan satu battalion khas kepada orang Asli ini dipakaikan kepada mereka dengan senjata-senjata tradisional (traditional weapons) tadi. Apabila sahaja negara kita menghadapi seteru mula-mula kita lepas orang ini dahulu, sebab orang ini dia boleh menyuluh, dia boleh merangkak, dia boleh bersembunyi, dia bijak dalam hutan, dia bijak dalam sungai kerana hutan kampung halaman dia, dia lebih bijak daripada askar-askar kita lagi.

Lagi pula yang mereka senang, dia boleh makan ular, dia boleh makan

biawak, dia boleh makan tikus, dia boleh makan apa sahaja dan lagi pula mereka ini berani. Kenapa mereka berani? Kerana mereka ini tidak fikir hendak kaya, tidak fikir hendak jadi pangkat tinggi, tidak fikir mahu motokar besar, mereka mahu hidup sahaja. Yang jadi penakut manusia ini ialah kerana mahu pangkat, kerana mahu motokar besar, kerana mahu harta banyak, itu sebab jadi penakut, takut mati, takut hilang hartanya, takut hilang isterinya yang cantik. Orang-orang Asli ini isterinya jarang cantik, dia tidak berapa sayang—kurang sayang, maka orang ini kita jadikan askar iaitu Askar Asli kita tubuhkan di negara kita, barangkali apabila Malaysia tubuhkan, rasa saya ada negara-negara lain di dunia ini akan ikut—kemungkinan, kemudian dengan sendirinya kita telah naikkan mutu kehidupan mereka.

Hari ini sungguhpun Kerajaan membiayai, tengok, memerhati, layanan yang cukup sebagaimana rakyat biasa juga akan tetapi walau bagaimanapun tidaklah sepenuhnya, tetapi kalau kita mengadakan battalion ini maka dengan sendirinya mereka ini kehidupan mereka akan jadi kehidupan yang sama sebagaimana rakyat yang lain-lain juga dengan sendirinya kerana disebabkan perkhidmatan yang besar diberi kepada Kerajaan maka berpadanlah Kerajaan memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang besar kepada mereka. Apabila negara kita diancam oleh musuh sebab kita dikelilingi oleh hutan dan sungai, mereka inilah yang akan menghadapi.

Perkara yang seumpama ini negara Saudi Arabia ada buat iaitu dinamakan dalam bahasa Arab Askar Mujahiddin dipanggilnya. Ini dibuat masa King Abdul Aziz dahulu masa Malek Abdul Aziz iaitu bapa kepada Raja Faizal telah menubuhkan Askar Mujahiddin ini. Mereka ini terdiri daripada orang-orang padang pasir, mereka ini sungguh berani, maka askar itu

dikekali sehingga sekarang ini juga iaitu Askar Mujahiddin tadi. Askar Mujahiddin inilah berperang pada masa King Abdul Aziz dahulu mengambil negaranya menjadi negara Saudi hari ini ialah daripada jasa tangan Askar Mujahiddin inilah maka sebab itu dihormati sehingga sekarang. Askar-askar kita yang kita akan tubuhkan dinamakan Battalion Asli tadi boleh dinamakan iaitu dalam bahasa Arab “Askar Mujahiddin”.

Hari ini orang-orang Asli yang berada di negeri kita berselerak, mereka gagah berani, badan yang elok kesihatan pun masya Allah, rasa saya keadaan yang ada seperti hari ini rugi bagi negara kita, bukan rugi tentang adanya, tetapi rugi tentang Kerajaan tidak menggunakan mereka kepada apa yang boleh digunakan. Maka keberanian hendaklah dipikul oleh tiap-tiap askar, selalunya keberanian itu datang daripada orang-orang yang seperti ini di dalam peperangan yang mendapat kemenangan.

Sebagaimana apa yang saya katakan tadi bukan kerana senjata banyak dan sebagainya pernah dipuji oleh Allah s.w.t di dalam surah Waladiah memuji tentang kuda, bukan tentang kuda lari kuat, bukan kuda cantik, Allah s.w.t puji kepada kuda tentang keberaniannya yang boleh menang di dalam peperangan. Dan dengan hasil keberanian tadi Allah s.w.t berfirman di dalam al-quran nul-karim yang bermaksud: Berapa banyak daripada golongan-golongan yang sedikit ertinya askar-askar yang sedikit boleh mengalahkan tentera-tentera yang banyak, boleh mengalahkan askar-askar yang banyak, boleh mengalahkan kumpulan-kumpulan yang banyak, bisiz-nillah dengan izin, Allah s.w.t.

Ini kesemuanya Allah menggambarkan dalam tentang mengajar manusia supaya ada sifat keberanian. Oleh itu, kepada

Kementerian Pertahanan kalau sekiranya belum diadakan lagi tentang mengadakan penceramah-penceramah ataupun ahli-ahli pidato yang boleh memberi perangsang kepada askar-askar kita, maka saya berharap semoga dalam lapangan ini diadakan supaya kita akan jadikan askar kita askar yang berani, dengan keberanian itu dapat mempertahankan negara kita daripada satu masa ke satu masa.

Wabillahi taufik, maka setakat ini sahaja saya menyokong Rang Undang-undang Manuver Tentera.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya menjemput Timbalan Menteri menjawab bagi pihak Menteri Pertahanan.

4.41 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya dari Barisan Nasional yang menyokong Rang Undang-undang ini serta turut sama memberi saranan, teguran serta cadangan-cadangan yang baik berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Manuver Tentera.

Minat serta perhatian yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah wajar serta kena pada tempatnya memandangkan pertahanan negara adalah sangat penting bagi kestabilan negara kita, sama ada dari segi politik, agama, ekonomi, sosio-ekonomi dan lain-lain lagi. Namun begitu, saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan itu kerana ini akan mengambil masa yang agak panjang dan kepada perkara-perkara yang

tidak sempat saya jawab, saya memberi jaminan bahawa perkara-perkara itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kepong dan Parit telah membangkitkan bahawa notis tidak diberikan jika latihan manuver melibatkan anggota tentera kurang dari 1,000 orang dengan tidak melebihi 48 jam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak perlu bimbang tentang ketiadaan notis ini. Biasanya latihan yang tidak memerlukan notis dijalankan di kawasan-kawasan khas, seperti lapang sasaran dan tanah-tanah Kerajaan, di mana latihan kerap dilakukan dan di ketahui oleh semua penduduk di kawasan-kawasan sekitar. Biasanya tempat-tempat manuver bagi latihan ini tidak berhampiran dengan penduduk-penduduk.

Dari segi corak latihan pula, notis seperti ini tidak perlu diberi kerana ia hanya merupakan latihan-latihan biasa yang dijalankan dari masa ke semasa oleh sesuatu Batalion ataupun Kompeni dan masa ia dijalankan adalah singkat, iaitu cuma 48 jam. Biasanya latihan seperti ini dijalankan tanpa perancangan terperinci yang awal seperti yang biasanya dibuat bagi manuver tentera yang besar dan latihan ini dijalankan mengikut budibicara Pegawai Pemerintah satu Batalion atau Kompeni yang berkenaan. Jika notis diwajibkan bagi latihan seperti ini sudah tentu tidak dapat dijalankan kerana ia memerlukan satu jangka masa yang panjang sebelum notis tersebut menjadi efektif.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tenggara dan Padang Rengas telah menimbulkan mengenai nilai pampasan yang diberikan oleh Kementerian Pertahanan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat itu, pampasan yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan

adalah berdasarkan kepada penilaian yang menasabah terhadap harta-harta yang rosak mengikut harga pasaran semasa. Nilai ini dibuat oleh Pegawai Penilaian Kerajaan, Kementerian Kewangan.

Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh, Matang dan Kota Melaka juga menggesa pihak angkatan tentera memberi tempoh notis yang lebih panjang dan notis-notis tersebut dibuat secara lisan dan bertulis. Suka saya menegaskan bahawa segala tindakan yang akan diperbuat adalah untuk menentukan supaya semua penduduk, sama ada yang boleh membaca atau tidak, akan mengetahui sesuatu manuver yang akan dijalankan, sama ada di darat ataupun laut. Ini diperbuat bukan sahaja melalui notis bertulis dan lisan tetapi juga melalui berbagai tanda dan isyarat, seperti bendera, melalui Ketua-ketua Kampung, Imam-imam Masjid, Pengawal Tentera dan berbagai cara lain. Notis yang diberikan untuk satu latihan manuver adalah di anggap mencukupi.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh supaya istilah 'manuver' ditukarkan kepada istilah lain yang senang di fahami, di sini suka saya menjelaskan bahawa istilah 'manuver' ini adalah istilah undang-undang dan buat masa ini masih belum lagi terdapat satu istilah lain yang boleh menggantikan istilah ini, tetapi bolehlah saya berikan tafsiran bahawa manuver ini adalah sebagai 'gerakan latihan'.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Padang Rengas telah menyentuh tentang masa tuntutan pampasan yang singkat. Kerajaan berpendapat bahawa masa tuntutan 6 bulan yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang ini adalah difikirkan sudah mencukupi setelah mengambil kira kesulitan dari segi perhubungan yang dialami oleh pihak-pihak yang

terlibat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum ini masa tuntutan yang diberikan hanya satu bulan, tetapi kini untuk memberi kemudahan kepada pihak yang menuntut, jangka masa ini telah ditambah kepada 6 bulan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar pula telah membangkitkan persoalan siapa yang patut berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri. Perkara ini terserahlah kepada pihak-pihak yang akan mengendalikan manuver tentera. Umpamanya, jika di peringkat Briged, Panglima Briged atau wakilnya akan berhubung dengan Pihak-pihak Berkuasa Negeri yang terlibat.

Mengenai cadangan anggota-anggota tentera supaya melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela, seperti membina jambatan serta kemudahan-kemudahan lain di kampung-kampung, suka saya menegaskan bahawa projek 'jiwa murni' selalu dijalankan di kawasan-kawasan latihan, seperti membuat jambatan ataupun jalan-jalan kecil, memberi ubat serta merawat penduduk-penduduk kampung oleh doktor-doktor tentera. Ini adalah cara yang diamalkan sekarang untuk menjalinkan perhubungan yang erat di antara orang awam dengan tentera sejajar dengan cogan kata "Tentera dan Rakyat Berpisah Tiada".

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah memberi gambaran di mana manuver tentera telah mengganggu kehidupan ataupun aktiviti-aktiviti harian penduduk yang terlibat. Saya memang sedar bahawa setiap latihan yang diadakan sedikit sebanyak akan menimbulkan kesulitan kepada pihak-pihak tertentu, seperti pemilik-pemilik tanah dan orang ramai. Perkara ini tidak dapat dielakkan dengan sepenuhnya. Namun begitu, usaha-usaha memang sentiasa dijalankan oleh pihak tentera supaya

setiap latihan yang diadakan tidak mengganggu kehidupan harian penduduk-penduduk yang terlibat. Jika gangguan masih berlaku, anggaplah ianya sebagai satu pengorbanan yang diharapkan dari setiap rakyat yang cintakan keamanan serta memahami tujuan di sebalik tiap-tiap latihan menuver itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, di antara lain, telah menyentuh tentang perhubungan dan muhibah semasa membuat manuver dan soal disiplin anggota tentera. Sebagaimana yang selalu ditegaskan, perhubungan di antara anggota tentera dengan orang awam sememangnya sudah wujud. Satu ikatan muhibah sudah terjalin di antara kedua-dua belah pihak dan adalah menjadi hasrat Kerajaan semoga perhubungan baik yang sudah sedia terjalin akan dapat dikekalkan bukan sahaja di masa-masa anggota-anggota tentera membuat latihan di kawasan-kawasan yang melibatkan orang awam, tetapi juga di sepanjang masa.

Tuan Yang Dipertua, bersabit dengan kelakuan anggota-anggota tentera yang bertentangan dengan disiplin tentera, perkara ini sudah sering kali disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Anggota-anggota tentera adalah pasukan yang beruniform dan tidak hairanlah kalau setiap pelakuan, walaupun kecil, memang senang ditunjukkan kepada mereka tetapi adakah Yang Berhormat itu mempunyai satu perangkaan yang dapat menunjukkan bahawa perbuatan kurang menyenangkan oleh anggota-anggota tentera melebihi kumpulan-kumpulan lain. Adalah tidak adil kita memperbesar satu kejadian kesalahan yang dilakukan oleh seorang atau segelintir anggota tentera dengan membabitkan keseluruhan anggota tentera. Cubalah kita anggap mereka sebagai manusia biasa yang tidak sunyi dari melakukan kesalahan. Jika kita

melonggokkan kesalahan seseorang anggota tentera kepada organisasinya maka tidak syak lagi moral Angkatan Tentera kita pada keseluruhannya lambat-laun akan terjejas. Ahli Yang Berhormat itu haruslah bersikap rasional dalam hal ini. Buat masa ini taraf disiplin di kalangan anggota-anggota tentera kita adalah memuaskan dan pihak Angkatan Tentera itu sendiri adalah begitu menitikberatkan dalam hal-hal yang menyentuh disiplin anggota-anggotanya. Tindakan tatatertib dan hukuman tertentu mengikut Undang-undang Tentera sentiasa dikenakan terhadap anggota-anggota yang didapati bersalah.

Ahli Yang Berhormat itu juga sering membuat gambaran tentang tentera kita sebagai satu badan yang zalim, jahat, suka merosakkan harta benda rakyat, anggota-anggota yang mental dan dibenci oleh rakyat. Saya menolak dakwaan ini sekeras-kerasnya kerana bukti rakyat yang menyanjung tinggi pengorbanan Angkatan Tentera jelas ternampak di setiap perayaan Hari Angkatan Tentera di mana beribu-ribu rakyat keluar untuk sama-sama memeriahkan hari tersebut. Bukti lain yang menunjukkan perhubungan rakyat dengan tentera sentiasa wujud iaitu melalui projek-projek yang dijalankan oleh Angkatan Tentera dari masa ke semasa seperti projek Jiwa Murni yang saya sebutkan pada awal tadi. Semua ini jelas membuktikan bahawa tidak ada perasangka di dalam hubungan tentera dengan orang awam.

Ahli Yang Berhormat dari Parit pula telah mencadangkan supaya latihan manuver diadakan di kawasan yang kekal. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu agak sukar dilaksanakan oleh kerana kawasan-kawasan manuver ini selalunya melibatkan pihak Kerajaan Negeri dan pemilik-pemilik tanah. Kerajaan-kerajaan Negeri dan pemilik-pemilik tanah yang berkenaan mempunyai rancangan

tertentu dalam kawasan-kawasan manuver yang terlibat.

Tentang mengadakan kawasan pencencil untuk kawasan latihan pertahanan, ini memang diamalkan sekarang. Walau bagaimanapun, keperluan menyesuaikan anggota tentera dalam peperangan dalam semua jenis keadaan muka bumi ini dengan izin, terrain, meyebabkan latihan tidak tertakluk kepada satu-satu kawasan sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang mencadangkan supaya kawasan-kawasan manuver ataupun kawasan perumahan yang berhampiran dipagar untuk menjaga keselamatan penduduk-penduduk di sekitar yang terlibat. Cadangan ini memang baik tetapi oleh kerana memagari kawasan-kawasan itu melibatkan kewangan yang banyak sedangkan latihan ini hanya bercorak sementara maka cadangan ini tidak begitu praktik dan ekonomik.

Mengenai cadangan notis lebih besar diperbuat, saya rasa yang ada sekarang sudah mencukupi dan warnanya pun merah dan mudah dilihat dari jauh dan juga dari dekat.

Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah menyentuh soal latihan keberanian dan mengesyorkan supaya diadakan ceramah-ceramah perangsang kepada anggota-anggota tentera kita. Dalam hubungan ini saya ingin menyatakan bahawa pihak tentera kita memang mengadakan ceramah agama dari masa ke semasa di mana ceramah-ceramah ini bukan sahaja menyentuh soal berkaitan langsung dengan aspek-aspek keagamaan, malahan juga bertujuan membangkitkan semangat perjuangan dan keberanian menghadapi musuh di dalam semua keadaan.

Berkenaan dengan syor Ahli Yang Berhormat supaya anggota tentera kita menggunakan senjata-senjata lama di

samping senjata-senjata moden, kita memang ada mengajar mereka di dalam menggunakan senjata-senjata ini. Bukan itu sahaja, anggota-anggota tentera kita juga diajar bertempur tanpa senjata, iaitu man-to-man combat. Ini biasa ditekankan di dalam latihan-latihan yang diadakan oleh Angkatan Tentera kita.

Berkenaan dengan syor bagi mengadakan satu Batalion Asli, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota-anggota tentera kita yang ada sekarang memang ada dianggotai oleh Orang Asli sungguhpun buat masa ini bukanlah merupakan satu batalion. Mereka ini sebenarnya banyak digunakan oleh anggota tentera kita, terutama sekali dari segi untuk menjadi perintis dan juga untuk menerima maklumat-maklumat yang tertentu daripada pihak-pihak musuh kita, kerana seperti mana Ahli Yang Berhormat tadi katakan mereka ini bijak, berani dan sebagainya. Jadi, Angkatan Tentera memang sudah menyedari sifat-sifat Orang-orang Asli ini daripada mulanya dan terutama sekali di kawasan-kawasan pendalaman yang mana banyak mereka tinggal, pihak anggota tentera sentiasa mendekati dan menggunakan mereka untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkenaan dan secara langsung bahawa mereka memainkan peranan yang penting bagi menyampaikan maklumat kepada anggota tentera kita.

Di samping itu juga menyentuh berkenaan dengan aspek keberanian dan semangat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menyatakan bahawa sebelum seseorang itu diterima menjadi Angkatan Tentera, maka ianya diberi latihan supaya semangat ketenteraan itu ada pada mereka, ini merupakan satu aspek yang penting sekali. Kalau semangat itu tidak ada kepada mereka, mereka tidak akan diterima untuk menjadi seorang anggota tentera yang

tetap dan tidaklah benar kita memperkatakan bahawa Angkatan Tentera kita kurang berani dan kurang semangat pada masa ini kerana dengan adanya keberanian, dengan adanya semangat mereka, itulah sebabnya kita dapat mematahkan berapa ancaman dan serangan daripada pihak-pihak musuh kita sehinggakan keadaan pada masa ini adalah terkawal dan kita dapat berada di dalam Dewan yang mulia ini dengan keadaan yang selamat serta sihat walafiat. Walau bagaimanapun, usaha diperbuat untuk memberi latihan kepada mereka dan memasukkan aspek-aspek semangat seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya percaya bahawa oleh kerana Ahli Yang Berhormat sebagai seorang ahli pidato yang begitu bijak mungkin Kementerian Pertahanan akan menjemput Yang Berhormat untuk memberikan semangat kepada anggota tentera kita (*Tepuk*).

Tuan Yang Dipertua, sekianlah sahaja yang dapat saya jelaskan berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan mereka.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 43) 1983

PERINTAH DUTI KASTAM (PINDAAN) (No. 45) 1983

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh sub-seksyen (2) dalam seksyen 11 Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1983 dan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1983 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 272 dan 284 Tahun 1983 disahkan.

Kedua-dua Perintah Duti Kastam tersebut adalah bertujuan untuk menaikkan harga permulaan yang digunakan bagi tujuan memungut duti eksport atas getah dan lada. Bagi getah harga permulaannya dinaikkan dari \$1.70 sen sekilogram kepada \$1.80 sen sekilogram. Manakala bagi lada hitam dari \$2,810.89 sen seton metrik kepada \$3,000.00 seton metrik. Bagi lada putih pula dari \$3,306.93 seton metrik kepada \$3,500 seton metrik. Langkah ini perlu memandangkan kos

pengeluaran barang-barang tersebut telah meningkat.

Yang kedua, mengubah struktur duti atas minyak kelapa sawit supaya minyak isirong kelapa sawit mentah yang sekarang dikenakan duti eksport 5% dikenakan kadar duti lebih tinggi sebanyak 10% dan minyak isirong kelapa sawit yang diproses dikecualikan daripada duti eksport. Ini bertujuan untuk menggalakkan perusahaan ini membuat pemerosesan yang lebih lanjut bagi minyak isirong kelapa sawit yang mana sebelum ini dieksport terutama sekali dalam bentuk bahan mentah.

Yang ketiga, menghapuskan 5% duti eksport atas buah-buahan tempatan. Penghapusan duti ini perlu supaya penanam-penanam buah-buahan akan dapat pasaran yang lebih luas untuk pengeluaran mereka serta mendapat tukaran asing yang lebih untuk negara. Langkah ini tidak akan melibatkan permintaan tempatan untuk buah-buahan tersebut.

Yang keempat, menghapuskan duti import dan cukai tokok ke atas berbagai jenis bahan mentah seperti emas, batu-batu permata dan separuh permata yang digunakan dalam pembuatan barang-barang kemas. Ini bertujuan untuk memperbaiki kedudukan persaingan perniagaan ini dengan negara-negara jiran dan menggalakkan perniagaan dan pengeksportan barang-barang kemas.

Yang kelima, menghapuskan duti import dan cukai tokok ke atas mesin-mesin kira-kira saiz kecil. Ini perlu memandangkan mesin-mesin tersebut digunakan dengan luasnya oleh para pelajar dan para peniaga kecil.

Yang keenam, menghapuskan duti import dan cukai tokok ke atas video tape dan menurunkan kadar duti import atas perakam video daripada 45% kepada 15%. Ini bertujuan untuk memberi faedah kepada orang-orang dan Institusi-institusi pelajaran.

Yang ketujuh, menaikkan duti import ke atas 66 jenis barangan yang diimport seperti makanan dan pakaian dan barang-barang perkilangan termasuk barang-barang rumahtangga dalam lingkungan antara 5% hingga 50%. Barang-barang yang terlibat pada dasarnya adalah digunakan oleh golongan yang berada dan barang-barang itu boleh diganti dengan senangnya oleh barang-barang keluaran tempatan. Barang-barang lain yang digunakan oleh golongan yang berpendapatan rendah tidak terlibat dengan langkah ini. Tujuan menaikkan duti ini ialah untuk mengubahsuai dasar import kita yang longgar bagi mengatasi kesulitan yang dihadapi dalam imbalan pembayaran negara.

Yang kelapan menaikkan duti import atas kereta yang belum siap dipasang dari 15% kepada 25% dan kereta yang siap dipasang dinaikkan 10% bagi setiap kategori harga dan bagi kereta yang bernilai lebih \$40,000 duti import dinaikkan dari 200% kepada 260%. Ini bertujuan untuk memperbaiki imbalan bayaran, mengurangkan import kereta jenis mahal dan juga membantu melindungi projek kereta kebangsaan di masa hadapan.

Yang kesembilan, mengenakan duti import 10% ke atas berbagai jenis alat-alat binaan berat bertujuan untuk mengurangkan pengimportan alat-alat tersebut serta membantu pemasangan dan pembuatan bahagian daripada alat-alat binaan ini di dalam negeri.

Yang kesepuluh, menyatukan cukai tokok dan cukai import yang dikenakan ke atas berbagai barangan yang diimport termasuk bahan-bahan mentah. Ini dibuat sebagai usaha lanjutan untuk menyelaraskan dan memudahkan kutipan hasil kastam.

Yang kesebelas, menukar kadar duti import ke atas 45 jenis barang mengimport atas kadar tertentu atas

pesifik kepada kadar menurut nilai atau *ad valorem*. Ini merupakan langkah pertama untuk menukar semua duti spesifik kepada kadar duti *ad valorem*. Ini dibuat supaya hasil dari duti import akan berubah sealiran dengan perubahan-perubahan harga import.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Oleh kerana tidak ada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh sub-seksyen (2) dalam seksyen 11 Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1983 dan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1983 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 272 dan 284 Tahun 1983 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan), 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976, Ordinan Setem 1949, Ordinan

Setem (Sabah) dan Ordinan Setem (Sarawak), Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka), 1980, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Eksais 1967 dan Akta Kastam 1976 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat dalam Belanjawan 1984 yang telah dikemukakan dalam Ucapan Belanjawan di Dewan ini pada 21hb Oktober, 1983.

Di sini saya mohon memberi penjelasan tentang beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 5 memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang bertujuan mengenakan cukai ke atas pendapatan tertentu yang diperolehi oleh bukan pemastautin di negara ini. Pendapatan berkenaan ialah pendapatan dari sewa atau lain-lain bayaran yang dibuat di bawah mana-mana perjanjian atau perkiraan untuk kegunaan apa-apa harta alih, bayaran untuk perkhidmatan tertentu yang diberi oleh bukan pemastautin atau pekerjaannya dan amaun-amaun yang dibayar bagi nasihat atau bantuan teknik. Kadar cukai adalah sebanyak 15% dari jumlah bayaran. Sehubungan dengan ini, Fasal 19 bertujuan memasukkan seksyen baru 109B yang mempertanggungkan pihak pembayar untuk menahan cukai 15% itu untuk dibayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Fasal 7 bertujuan meminda Seksyen 13 Akta bagi menghadkan pengecualian yang diberi kepada seorang pekerja mengenai tambang percuma. Peruntukan yang ada sekarang tidak menghadkan bilangan perjalanan dan bilangan orang-orang

yang boleh menikmati faedah tambang percuma yang tidak dikenakan cukai. Dengan pindaan ini pengecualian tambang percuma ke mana-mana tempat di luar Malaysia dihadkan untuk setahun sekali dan hanya kepada pembayar cukai dan ahli-ahli keluarga yang terdekat sahaja. Dalam masa yang sama, untuk menggalakkan perjalanan tempatan pengecualian tambang percuma bagi perjalanan dalam Malaysia diberikan sebanyak 3 kali setahun tetapi hanya untuk pembayar cukai serta ahli-ahli keluarganya yang terdekat sahaja.

Fasal 12, 13 dan 14 adalah berhubung dengan galakan cukai bagi perusahaan perkapalan. Pada masa kini pendapatan dari perniagaan pengangkut penumpang-penumpang atau kargo adalah dikecualikan cukai di bawah Seksyen 54A akan dihentikan (abated) di bawah Seksyen 54B Akta tertakluk kepada beberapa syarat yang perlu dipatuhi.

Fasal 13 yang meminda Seksyen 54A Akta memberi galakan cukai yang lebih liberal kepada perusahaan perkapalan dengan mengecualikan cukai ke atas kesemua pendapatan daripada perusahaan perkapalan yang berpunca atau dianggap berpunca dari operasi kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia. Galakan cukai yang baru ini diharap dapat mencapai matlamat Kerajaan di dalam mewujudkan perusahaan perkapalan negara yang teguh.

Fasal 24 bertujuan meminda perenggan 37B Jadual 3 supaya dapat diberi elaun bangunan perindustrian kepada bangunan yang digunakan bagi maksud latihan perindustrian dan memasukkan perenggan baru 37C kepada Jadual 3 dengan tujuan memberi elaun bangunan perindustrian mengenai sesuatu bangunan yang digunakan sebagai gudang simpanan barang-barang untuk eksport atau untuk menyimpan

barang-barang diimport yang hendak diproses dan dieksport semula.

Fasal 25 meminda Bahagian I Jadual 6 kepada Akta dengan menggantikan perenggan 34 dengan perenggan baru 34 untuk mengecualikan pendapatan pelaut-pelaut yang bertugas di atas kapal-kapal Malaysia yang membuat pelayaran di perairan tempatan.

Fasal ini juga memasukkan perenggan baru 35 untuk mengecualikan faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana individu mengenai cagaran atau bond yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, untuk menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat asing menyusun semula dengan cepat selaras dengan dasar Kerajaan pada hari ini adalah perlu dibuat sedikit pindaan ke atas peruntukan Undang-undang Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976.

Fasal 29 bertujuan meminda Jadual 2 Akta dengan memasukkan sub-perenggan baru 5 dalam perenggan 17 yang bermaksud tarikh harta tanah syarikat-syarikat yang telah disusun semula dianggap sebagai tarikh harta itu mula-mula dimiliki oleh syarikat yang memindah harta berkenaan. Pindaan ini akan meringankan apa-apa kesusahan yang mungkin kalau tidak kerananya itu ditanggung disebabkan kadar percukaian yang lebih tinggi atas apa-apa pelupusan oleh syarikat penerima pindah milik.

Fasal 30 bertujuan meminda Jadual 4 Akta dengan memasukkan perenggan baru 4. Pindaan ini bertujuan memberi pengecualian dari cukai ke atas keuntungan yang diperolehi dari Penjualan harta tanah kepunyaan si mati untuk tujuan menyelesaikan duti harta pusaka. Pengecualian ini dihadkan kepada setakat jumlah duti harta pusaka yang kena dibayar sahaja.

Fasal 32, 33 dan 34 adalah berkaitan dengan pindaan ke atas peruntukan Ordinan Setem 1949.

Fasal 32 adalah pindaan bagi seksyen 2 Ordinan untuk memasukkan takrif bagi istilah pinjaman matawang asing. Ini adalah berkaitan dengan cadangan untuk mengenakan cukai ke atas suratcara-suratcara bagi pinjaman matawang asing pada kadar yang berlainan iaitu tertakluk kepada jumlah maksima \$500. Ini bertujuan untuk menggalakkan perjanjian-perjanjian pinjaman matawang asing dilaksanakan dan ditandatangani di Malaysia.

Selain itu, perkataan "or in the Republic of Singapore" bagi istilah nota kontrak di dalam seksyen yang sama dibatalkan. Pindaan ini bertujuan untuk meluaskan penguasaan duti setem ke atas nota kontrak dalam urusan antara broker di Malaysia dan broker asing.

Fasal 33 mencadangkan supaya dihadkan pengecualian duti setem di bawah seksyen 15 Ordinan hanya kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia sahaja.

Fasal 43 bertujuan menggantikan Jadual Pertama kepada Akta Kewangan (Duti Harta Pusaka) 1980 dengan Jadual Pertama baru yang mencadangkan paras pengecualian Duti Harta Pusaka yang dikenakan di atas si mati yang menetap di Malaysia dinaikkan dari \$300,000 kepada \$600,000.

Dan Fasal 44 bertujuan menggantikan Jadual Kedua kepada Akta dengan Jadual Kedua baru supaya paras pengecualian Duti Harta Pusaka yang dikenakan ke atas harta si mati yang tidak menetap di Malaysia dinaikkan dari \$60,000 kepada \$120,000.

Pindaan ini dibuat memandangkan nilai-nilai harta-milik tempat tinggal telah semakin meningkat semenjak ulang-kaji yang terakhir.

Fasal 47 bertujuan meminda Seksyen 9, Akta Cukai Jualan, Tahun 1972 dengan memperluaskan skop untuk pengilang berlesen mendapat bahan-bahan yang bebas dari cukai. Pindaan ini akan membolehkan pekilang secara kecil-kecilan mengatasi masalah yang mereka hadapi sekarang di dalam mendapatkan bahan-bahan yang bebas dari cukai.

Fasal 48, bertujuan meminda Seksyen 15, Akta untuk memberi masa lebih lama lagi kepada Dewan Rakyat untuk menimbang dengan teliti sesuatu perintah yang dibuat oleh Menteri dalam menetapkan kadar cukai jualan yang akan dikenakan di bawah Akta.

Fasal 49, bertujuan meminda Seksyen 22 Akta untuk membenarkan barang-barang supaya disimpan di gudang Kastam dengan bebas dari cukai jualan.

Fasal-fasal 50, 55 dan 57 masing-masing membuat pindaan kepada Sub-seksyen 3, seksyen 5 Akta Cukai Perkhidmatan Tahun 1975 dan Seksyen 6 Akta Eksais Tahun 1976 untuk memberi lebih masa lagi kepada Dewan Rakyat menimbang dengan teliti sesuatu perintah yang dibuat oleh Menteri dan memerlukan kelulusan Dewan.

Fasal 58, bertujuan menyelaraskan Seksyen 12, Akta Eksais, Tahun 1976 dengan Sub-seksyen 1, Seksyen 15, Akta Kastam, Tahun 1967 untuk membolehkan Pegawai Pentaksir membuat penilaian yang wajar ke atas barang-barang mengikut kadar duti dan penilaian yang terpakai sekarang dan tidak mengikut kadar duti dan penilaian barang-barang pada masa pengecualian itu diberikan.

Fasal 59 bertujuan meminda Seksyen 13, Akta Eksais, Tahun 1976 dengan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kastam untuk memulangkan balik apa-apa duti eksais sewa gudang atau lain barang yang tersalah bayar.

Fasal 60 bertujuan meminda Seksyen 28, Akta yang sama untuk membenarkan dipindahkan barang-barang berduti tanpa bayaran duti dari satu kilang yang dilesenkan di bawah Seksyen 20, Akta ke satu kilang lain di bawah lesen yang itu juga dan juga membenarkan barang-barang itu disimpan di mana-mana tempat sebagaimana diarahkan oleh Menteri.

Fasal-fasal 61 hingga 66 bertujuan menaikkan denda yang dikenakan di bawah berbagai peruntukan Akta dengan menambah jumlah denda dan tempoh penjara. Pindaan ini perlu memandangkan kerapnya berlaku kesalahan-kesalahan di bawah Akta.

Akta Kastam Tahun 1967 adalah juga dipinda bertujuan untuk melicinkan lagi pentadbiran Jabatan Kastam.

Fasal 68 bertujuan meminda Seksyen 11, Akta untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat menimbang sesuatu perintah yang dibuat oleh Menteri dalam menetapkan duti kastam yang hendak dikenakan ke atas barang-barang yang diimport atau dieksport.

Fasal 69 hingga 71 memberi kuasa kepada Menteri mengecuali atau memulangkan balik duti dan mengurangkan duti yang boleh dikenakan di bawah Akta.

Fasal 80 bertujuan meminda Seksyen 123 Akta untuk mengadakan scale baru menetapkan tempoh penjara yang akan dikenakan kiranya engkar membayar denda.

Fasal-fasal 81 hingga 84 bertujuan meningkatkan lagi penalti yang dikenakan di bawah berbagai

peruntukan Akta dengan menaikkan amaun denda dan tempoh penjara.

Lain-lain fasal adalah merupakan pindaan-pindaan berhubung dengan pentadbiran. Rang Undang-undang ini juga adalah bertujuan menguatkuasa pindaan-pindaan kecil yang berbangkit.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan Tahun 1967, Akta Petroleum Cukai Pendapatan Tahun 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah Tahun 1976, Ordinan Setem Tahun 1949, Ordinan Setem Sabah, Ordinan Setem Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pusaka) Tahun 1980, Akta Cukai Jualan Tahun 1972, Akta Cukai Perkhidmatan Tahun 1975, Akta Eksais Tahun 1976 dan Akta Kastam Tahun 1967 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih.

7.06 m/m.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyebut di dalam perkara pindaan Akta Cukai Pendapatan yang dibentangkan pada hari ini dan juga Cukai Harta Pusaka dan juga Cukai Jualan. Kalau kita dapati daripada sini bahawa pindaan ini amatlah wajar tetapi ada lagi patut Cukai Pendapatan ini membuat pindaan dan memberi perubahan supaya dapat memberi kelegaan

kepada keluarga-keluarga atau pihak-pihak tertentu.

Sekarang ini kita tahu bahawa nilai-nilai harta sudah pun bertambah. barang-barang keperluan telah pun naik. Cukai benda-benda telah berlipat ganda selain daripada kenaikan cukai dan juga nilai semasa yang ada sekarang ini. Oleh itu patut jugalah pihak Cukai Pendapatan ini memikirkan bahawa Cukai Pendapatan bagi perseorangan sebanyak \$5,000 yang ada sekarang ini saya rasa bahawa sepatutnya dikaji semula, diberi kepada angka yang lebih besar lagi kepada 8,000 misalnya kerana ini dapat memberi kelegaan kepada keadaan inflasi sekarang ini dengan adanya kenaikan barangan dan kenaikan barang-barang keperluan untuk keluarga.

Selain daripada itu juga di dalam Cukai Pendapatan ini di dalam tanggungan keluarga, anak-anak. Sekarang ini masih di kenakan kepada lima orang anak. Tetapi sepatutnya pindaan diberi kepada lebih daripada itu. Kerana keperluan negara kepada penduduk adalah penting. Jadi saya tidak tahu mengapa pelepasan cukai diberi kepada lima orang anak, tidak lebih daripada itu. Misalnya kepada 10 orang anak ataupun lebih daripada itu lagi. Ini setidaknya-tidaknya bahawa peruntukan ini memang, kalau mereka yang mempunyai 10 orang anak memang perbelanjaannya untuk 10 anak, dia tidak belanja untuk lima anak. Jadi pindaan pendapatan ini patut juga ditumpukan kepada perbelanjaan keluarga sekurang-kurangnya dapat meringankan keluarga dengan keadaan inflasi dan juga keadaan yang dan sekarang ini yang serba-serbinya telah naik nilai selain daripada kenaikan cukai.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga menyebut dalam Fasal 43 iaitu Cukai Jualan Harta Pusaka yang telah dinaikkan kepada \$600,000. Inilah satu

bukti bahawa kenaikan cukai dan harta telah melambung. Saya rasa dengan \$600,000 pengecualian cukai yang dikenakan kepada harta pusaka ini setidaknya-tidaknya dapat mempercepatkan pengurusan bagi penyelesaian pusaka di bawah daripada \$600,000 yang dijalankan oleh pihak Jabatan Kehakiman atau pihak Pejabat-pejabat Pesaka Kecil untuk menyelesaikan apabila pengecualian cukai kepada \$600,000 ini.

Saya juga akan menyentuh kepada Cukai Jualan. Dengan Cukai Jualan yang dikenakan atas kenaikan 100% kepada 10% yang dijadualkan baharu-baharu ini kita telah pun menyokong dalam Belanjawan atas kenaikan cukai ini, cuma kita kebimbangan dari segi penguatkuasaan. Kerana sama ada Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan yang selalu dikenakan kepada pengguna-pengguna terutama oleh kilang-kilang dan juga oleh hotel-hotel; saya rasa hotel mungkin tidak begitu terlibat tetapi bagi kilang-kilang perusahaan yang besar-besar yang mereka ini tetap mengenakan Cukai Jualan kepada penggunaanya tetapi Cukai Jualan ini juga kemungkinan tidak akan sampai ke pihak Kerajaan. Jadi, bagaimanakah cara penguatkuasaan yang patut ataupun yang sesuai dijalankan oleh pihak Kerajaan supaya Cukai Jualan yang dikenakan itu sampai ke pihak Kerajaan kerana kadang-kadang Cukai Jualan itu tidak dengan nilai yang dituntut dan nilai yang dibayar itu walaupun ada resit, ada local order yang diberi dan sebagainya tetapi ini kemungkinan akan dapat dilarikan atau akan dipesongkan daripada menyampaikan cukai-cukai ini kepada pihak Kerajaan.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah penguatkuasaan menentukan cara 10% yang dibayar oleh pengguna kepada Kerajaan itu melalui syarikat-syarikat besar akan sampai kepada

pihak Kerajaan, tidaklah cukai ini akan digunakan oleh pihak tertentu, kerana ada setengah-setengahnya, apabila kita membeli kalau kita tawar barangnya atau kalau kita minta kurang tempahannya tidak apalah katanya kita potong Cukai Jualan, potong Cukai Jualan tidak payah kena. Jadi, kalau begini seolah-olah mengapa dia tidak mengurangkan barang yang kita tempah, mengapa dia kata tidak apa Cukai Jualan kita potong, tidak payah kena, tidak apa, dia tanggung. Kalau boleh sepatutnya dia mengurangkan harga barang kalau kita mengurangkan.

Misalnya kita tempah satu barang harga \$10,000 tentulah Cukai Jualan kena \$1,000. Jadi, tidak apa, bayar \$1,000 Cukai Jualan kita tidak payah potong. Jadi, bagaimana cara dia memotong Cukai Jualan tetapi meletakkan kepada harga yang kita bayar \$10,000. Kita tidak dapat tangkap bagaimana caranya, sama ada dia main resit atau sebagainya. Tetapi perkara ini kalau kita minta kurang mengapa tidak mengatakan, okay, kita bagi \$9,000 daripada \$10,000 kurangkan \$9,000 dengan Cukai Jualan \$900. Jadi, itulah keadaannya bagaimana cara syarikat-syarikat besar ini menjalankan cara yang kita tidak tahu cara bagaimana dia menjalankan perniagaan tentang soal Cukai Jualan ini.

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya jemput Timbalan Menteri menggulung.

5.36 *ptg.*

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang telah mencadangkan beberapa cadangan yang berguna.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh di atas pelepasan Cukai Pendapatan (Relief) yang hanya terhad \$5,000 untuk seorang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu tinjauan telah dibuat yang dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini khususnya di ASEAN dan pelepasan yang ada di dalam negara kita ini \$5,000 untuk seorang, untuk isteri lagi \$2,000, untuk anak yang pertama \$750 dan lain-lain. Seorang boleh mendapat pendapatan sampai paras \$15,000 setahun dan tidak dikenakan Cukai Pendapatan langsung. Pelepasan ini adalah terlalu liberal jika dibandingkan dengan negara-negara jiran. Kami percaya paras ini adalah munasabah dan tidak perlu dinaikkan pada ketika ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh kenapa hanya 5 orang anak sahaja yang diberi pelepasan. Tuan Yang Dipertua, saya percaya ini adalah satu cara menggalakkan untuk menghadkan saiz keluarga masing-masing tetapi jika dibandingkan dengan lain-lain negara jiran, ini adalah juga liberal oleh kerana ada lain negara yang dihadkan kepada dua orang sahaja dan tidak membenarkan 3 orang.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada menyentuh di atas Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dan menyentuh di atas ada kemungkinan berlaku penyelewengan di atas pelaksanaan pengutip khususnya Cukai Jualan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di tiap-tiap bandar Jabatan Kastam mengadakan satu pejabat untuk melaksanakan pemeriksaan dan kutipan Cukai Jualan. Ada kemungkinan oleh kerana tiap-tiap perniagaan sama ada besar atau kecil kena memohon lesen Cukai Jualan ada kemungkinan ada beberapa perniagaan yang boleh melarikan diri dari membayar Cukai Jualan kepada Jabatan Kastam tetapi untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes yang kita dapat ini kebanyakannya didenda dan kita percaya skop atau penyelewengan ini tidak berlaku di merata-rata.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu. Sekian terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 84 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.41 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 dibaca pada kali kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, Akta ini adalah bertujuan untuk menguatkuasakan cadangan yang telah dikemukakan dalam ucapan Belanjawan di Dewan yang mulia ini pada 21hb Oktober, 1983 baru-baru ini iaitu untuk mengenakan levi ke atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan negara ini. Di sini, saya mohon memberi penjelasan tentang beberapa perkara yang penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Menteri Kewangan adalah diberi kuasa untuk menetapkan tarikh yang berasingan untuk melaksanakan Akta ini di sesuatu tempat tertentu di Malaysia di bawah Fasal 1. Fasal 3 pula adalah memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengenakan levi ini dan menetapkan kadar yang dikenakan. Untuk melicinkan pentadbiran levi ini, Menteri Kewangan adalah diberi kuasa di bawah Fasal 4 untuk mengecualikan mana-mana kenderaan barang-barang atau kelas kenderaan barang-barang daripada pengenaan kesemua atau sebahagian daripada levi ini sebagai langkah untuk mencegah pelarian cukai.

Fasal 5 pula memberi peruntukan mengenai hukuman serta denda yang dikenakan ke atas sebarang kegagalan atau pengelakkan daripada membayar levi ini.

Tuan Yang Dipertua, Fasal 6 hingga 9 adalah mengenai pentadbiran dan penguatkuasaan Akta ini. Akhir sekali Fasal 10 adalah peruntukan bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan berkaitan dengan pelaksanaan Akta ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan levi ke atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.47 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahar Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan di samping ini suka saya mengambil kesempatan ini untuk membangkit dan membincang beberapa masalah-masalah yang dialami oleh pengusaha-pengusaha lori di negara kita.

Seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Rang Undang-undang ini bertujuan mengenakan satu levi yang disebut levi kenderaan barang-barang ke atas mana-mana kenderaan barang-barang setiap kali ianya meninggalkan Malaysia. Kepada mana-mana kenderaan barang-barang setiap kali ianya meninggalkan Malaysia. Kepada saya Rang Undang-undang ini bertujuan memperundangkan cadangan Menteri Kewangan yang diumumkan semasa ucapan Belanjawan yang lalu bagi memperkenalkan satu levi ke atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan negara ini pada kadar \$100 setiap lori ataupun setiap kenderaan yang melintasi tambak Johor pada setiap perjalanan.

Sebagaimana yang telah saya mengulas perkara ini semasa perbahasan Belanjawan dahulu, saya rasa bahawa levi \$100 ke atas setiap kenderaan barang-barang yang meninggalkan negara ini adalah tidak begitu adil, dan saya pernah memberikan sebab-sebab mengapa saya rasakan bahawa levi ini tidak adil dan seterusnya saya pernah meminta Kerajaan supaya menarik balik levi yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam ucapan Belanjawan yang lalu.

Sebagaimana yang saya katakan dalam perbahasan saya mengenai Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan, bahawa cadangan Kerajaan untuk melewi \$100 ke atas setiap kenderaan barang-barang akan meninggalkan kesan dan akibat yang mendalam, akan membangkitkan implikasi yang luas dan implikasi ini mungkin akan mengakibatkan industri pengangkutan di negara kita menjadi lumpuh.

Di sini suka saya menerangkan bahawa terdapat antara 1,000-2,000 buah lori mengangkut barang-barang seperti ikan, sayur-sayuran dan bahan-bahan binaan melintasi Tambak Johor pada setiap hari dan jika cadangan levi \$100 setiap kenderaan lori dikenakan ke atas setiap perjalanan melintasi Tambak Johor, maka tanpa diragukan ini akan memaksa pengusaha-pengusaha lori menaikkan kos pengangkutannya dan kos pengangkutan yang dinaikkan ini mungkin boleh mengakibatkan pembeli-pembeli ataupun pelanggan-pelanggan mereka di Singapura mencari punca-punca bekalan baru dan akibatnya mereka akan terpaksa membeli dari tempat lain. Misalnya, pelanggan-pelanggan ini terpaksa membeli barang-barang sepertimana yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi dari Indonesia ataupun dari negara-negara lain memandangkan bahawa pengusaha-pengusaha lori

ataupun syarikat-syarikat pengangkutan itu menaikkan kos pengangkutannya. Jika ini berlaku maka ini tidak sahaja menjejaskan minat dan kepentingan industri pengangkutan lori tempatan di negara kita tetapi juga akan menjejaskan kepentingan pengeluar-pengeluar bahan-bahan ataupun barang-barang yang mengeksportnya ke Singapura melalui syarikat-syarikat pengangkutan itu.

Dalam pada itu, Tuan Yang Dipertua, jika Rang Undang-undang ini diluluskan dan jika levi ini dikuatkuasakan ke atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan negara ini, saya yakin bahawa ianya memberi kesan yang serius ke atas industri pengangkutan di negara kita.

Saya difahamkan bahawa Persatuan Pengusaha-pengusaha Lori di negara ini telah melahirkan rasa kebimbangan mereka terhadap pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang perlaksanaan levi ini dan sekarang dengan pengemukaan Rang Undang-undang ini dan mereka telah merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan implikasi yang luas yang akan timbul sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan, sekiranya levi \$100 itu dikenakan, dan dalam memorandum mereka pengusaha-pengusaha lori ini ataupun syarikat-syarikat pengangkutan ini telah merayu supaya Kerajaan dapat mengambil kira kesusahan atau kesukaran yang dialami oleh mereka dan dapat menimbang untuk membatalkan levi ini.

Tidak dapat dinafikan di sini, Tuan Yang Dipertua, bahawa akibat dari kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara kita, perniagaan syarikat-syarikat pengangkutan telah banyak merosot dan sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan dengan Kerajaan

hendak melaksanakan Rang Undang-undang ini dengan kutipan levi ini, maka tentulah ini akan menjadi satu beban yang sangat-sangat berat kepada syarikat-syarikat pengangkutan ataupun pengusaha-pengusaha lori.

Memandangkan kepada fakta-fakta yang saya telah senaraikan di sini, maka saya berharap bahawa pihak Kerajaan dan khasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dapat mengambil perhatian tentang kesulitan yang diterangkan oleh saya tadi dan dapat menanggukkan pengemukaan Rang Undang-undang selepas dapat memberi peluang kepada syarikat-syarikat pengangkutan memberikan mereka pandangan untuk menyalurkan kesulitan yang dialami oleh mereka dan mengambil kira tentang kesusahan mereka dan sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan ke dalam Dewan ini, saya harap bahawa syor saya untuk menanggukkan Rang Undang-undang ini dapat dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

5.58 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai pengenaan levi ke atas semua kenderaan barang yang meninggalkan Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Saya menyokong perkara ini atas beberapa sebab, walaupun rakan saya dari Kuala Lumpur membangkang. Saya menyokong kerana untuk menambahkan hasil negara terutama sekali. Yang kedua, kemungkinan akan berlaku pengurangan pengaliran bahan-bahan bata, batu, pasir, tanah ke luar negeri sebagaimana yang

berlaku di Tambak Johor sekarang bahawa banyak batu-batu, pasir, bata yang mengalir ke Singapura dengan sewenang-wenangnya. Jadi ini merupakan satu kerugian dan menaikkan harga di keadaan tempatan kita. Sudah tentulah dengan pengenaan levi \$100 ini barang-barang keluaran negeri kita yang menggunakan lori akan meningkat naik.

Saya tidak suka kalau batu-bata tidak boleh dibawa keluar, tetapi saya memikirkan soal kerang dan ikan yang akan keluar daripada negeri kita. Misalnya kerang kita ini mahal di Bangkok. Jadi apabila lambat, apabila banyak, kerang kita ini mati, busuk begitu sahaja di negeri kita. Misalnya sekarang ini kerang kalau dahulu di tempat kita harganya \$20 seguni kalau tidak salah saya, di Bangkok dia jual \$50 seguni. Jadi kalau dengan dikenakan levi ini kerang ini mungkin akan berharga \$60 atau \$70 seguni. Jadi ini kenaikannya.

Kebimbangan saya satu lagi ialah kalaulah kenderaan kita keluar kena levi tetapi bagaimana pula kenderaan asing yang masuk ke negeri kita keluar balik, dia hendak balik ke negerinya dia bawa barang, adakah kena levi terutama sekali, saya hendak tanya. Kalau sekiranya tidak kena, sudah tentulah penggunaan kepada kenderaan asing yang masuk ke negeri kita ini lebih banyak. Betullah kerang kita pergi ke Bangkok, ke Thailand tetapi ikan dia datang ke negeri kita melalui Bukit Kayu Hitam, melalui Padang Besar dan melalui Golok. Jadi lori ini tidak kurang kalau kita kira seperti di Bukit Kayu Hitam sahaja tidak kurang 300 buah lori sehari muat ikan. Tidak masuk lagi Padang Besar, tidak masuk lagi di Rantau Panjang ataupun Golok. Jadi adakah lori yang masuk ini tidak dikenakan levi? Ini merupakan punca pendapatan. Setahu saya setakat ini lori ini masuk percuma sahaja.

Jadi, kalau hendak dikenakan levi, ini pun patut dikenakan. Lori-lori asing yang bawa barang, bawa ikan, bawa apa ke negeri kita mesti kena, sekurang-kurangnya kita dapat menambahkan hasil negara. Jadi biarlah apa sahaja yang lalu di situ sama ada dia lori lain yang datang ke negara kita, kita kenakan levi. Ini akan menambahkan hasil negara kita. Kerana kita tahu banyak ikan-ikan dan juga barang-barang daripada utara, daripada Siam datang ke negara kita dengan sewenang-wenangnya.

Jadi, jika tindakan ini diambil sudah tentulah bukan sahaja kita dapat menambahkan hasil, tetapi keadilan kepada pengusaha-pengusaha lori ini akan sama-sama menerima beban. Kalau untung pun sama untung, kalau rugi itu sama rugi. Tidaklah kita Malaysia sahaja rugi dan negeri Thailand atau Singapura mendapat keuntungan dengan khidmatnya. Bagi perkhidmatan atau bagi perusahaan yang besar lori ini saya rasa dengan kenaikan levi \$100 ini tidak begitu menjejaskan dengan perusahaannya yang besar melainkan kalau ada perusahaan kecil hanya dua tiga buah lori itu mungkin membebankan, kalau perusahaan besar mungkin tidak menjejaskan.

Tetapi biarlah pengenaan levi ini kepada sebarang, sama ada masuk ataupun keluar, sama ada kenderaan dalam negeri kita ataupun kenderaan asing, yang bawa barang pindahan ini maka tindakan untuk mengenakan levi ini patut dikenakan. Inilah sebagai satu cara untuk menambah hasil negara kita. Kerana setakat ini sebagaimana saya katakan tadi lori luar yang datang ke negeri kita bawa barang banyak tidak dikenakan apa-apa walaupun \$1.00 tidak dikenakan. Untuk menentukan ini maka tindakan juga dikenakan. Jadi dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

6.04 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya juga hendak menyokong Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang 1983 yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri sekejap tadi.

Saya suka hendak memberi pandangan saya berkenaan dengan bagaimanakah kita patut pandang tentang levi yang dikenakan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada memberi hujah bahawa levi yang dicadangkan sebanyak \$100 satu trip sekali keluar daripada negara kita ini adalah merupakan kos kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan dan beliau bimbang bahawa kos ini akan menjejaskan perusahaan pengangkutan, mungkin akan melumpuhkannya. Ini adalah satu cara bagaimana kita boleh pandang Masalah ini. Tetapi saya suka hendak memandang masalah ini dari segi yang lain iaitu saya beranggapan bahawa levi ini bolehlah kita pandang dari segi 'added value' atau nilai tambahan yang boleh diperolehi oleh pengusaha-pengusaha dan pengeluar-pengeluar barang-barang dalam negara kita yang dieksportkan ke negara asing.

Memang biasanya barang-barang yang dieksportkan mendapat harga yang lebih baik dan memberikan kadar keuntungan yang tinggi kepada pengeluar-pengeluar tempatan. Saya mencadangkan bahawa kos ini bukan ditanggung secara langsung oleh pengusaha-pengusaha pengangkutan tetapi akan diturun dan dikenakan kepada pengeluar-pengeluar, pengusaha-pengusaha; dan mereka masih lagi mampu mendapat kadar keuntungan yang viable bagi keluaran-keluaran dan perusahaan-perusahaan

mereka. Tuan Pengerusi, pada pandangan saya ini bukanlah satu perkara yang boleh menjejaskan.

Selain daripada itu, saya suka hendak memberi tahniah kepada pihak Kementerian kerana mengecualikan levi ini terhadap kenderaan-kenderaan penumpang seperti bas dan juga kereta-kereta persendirian dan lain-lain. Ini adalah satu perkara yang pada pandangan saya telah ditimbang dengan semasak-masaknya, dengan sebijak-bijaknya dengan mengambil kira kepentingan rakyat. Saya berpendapat tentulah sebelum Rang Undang-undang ini digubalkan pihak Kementerian telah memikirkan semasak-masak baik buruk, untung ruginya kepada Kerajaan dan rakyat.

Saya berpendapat, Tuan Yang Dipertua, satu kesan yang lebih besar, yang akan dinikmati oleh negara pada keseluruhannya dari segi national economy, dengan izin, ialah tentang kemungkinan kesan bagaimana peraturan ini akan menggalakkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan tempatan sebagai out-let, dengan izin, untuk mengeksport barang-barang tempatan dan kalaulah kesan ini akan dapat diperluaskan saya tidak nampak bagaimana perusahaan pengangkutan itu akan terjejas kerana dari segi quantum barang-barang yang akan dieksport masih tetap juga sama.

Kesannya kepada perkembangan pelaburan kita adalah satu kesan besar juga. Ia boleh memberi sokongan, keuntungan dan kecekapan yang lebih, keupayaan yang lebih kepada perkhidmatan tempatan sendiri dan mungkin boleh menambah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Yang Dipertua, saya juga berpendapat bahawa selain daripada kesan pembangunan tadi, sudah tentulah "hasil" sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya daripada

Pasir Putih tadi merupakan satu pertimbangan sungguhpun saya percaya bahawa pertimbangan hasil ini bukanlah merupakan pertimbangan yang utama yang difikirkan oleh Kerajaan tetapi mungkin pertimbangan yang secondary ataupun yang kedua sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saya ada satu perkara yang saya suka hendak bangkitkan berhubung dengan perkara ini iaitu berhubung dengan hal ini. Kalau kita hendak menggalakkan pelabuhan kita digunakan lebih meluas melalui cara ini maka kita hendaklah upgrade, dengan izin, melengkap, mempercepat serta memperkesakan lagi kemudahan-kemudahan di pelabuhan kita supaya ini akan memberi perkhidmatan dan juga kesan yang baik kepada usaha-usaha pengeksportan kita. Saya juga minta supaya aspek pentadbiran Rang Undang-undang ini biarlah ringkas, jangan terlalu cumbersome, dengan izin. Biarlah kemas dan biarlah berkesan dan jangan sama sekali menimbulkan kegendalaan oleh kerana peraturan-peraturan yang terlalu pajang lebar dan sulit, kerana ini mungkin menjejaskan tujuan yang baik. Dalam perkara ini saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada Fasal 10 (1) di mana diperuntukkan bahawa:

“10. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi—

- (a) pengutipan levi kenderaan barang-barang;
- (b) tempatnya di mana levi kenderaan barang-barang hendak dibayar dan dikutip.

Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan di dalam menggubalkan peraturan ini untuk memberi khidmat yang berkesan, saya minta supaya pihak Kementerian, pihak Menteri boleh menimbang supaya pengenaan atau pengkutipan levi ini boleh dibuat di Pejabat-pejabat Kastam di tempat asal di mana kenderaan itu datang supaya tidak payahlah semuanya menuju ke pusat keluar seperti di Johor Bahru dan semuanya bertumpu di situ sehingga terjadi bottle-neck di sana. Cara yang macam ini boleh mempercepatkan dan juga boleh membantu mengurangkan kerumitan pemandu oleh kerana peruntukan Rang Undang-undang ini ada menyebut bahawa tanggungjawab menjelaskan levi ini adalah terletak kepada pemandu sedangkan pemandu-pemandu mungkin bukan tuan milik kepada lori. Oleh kerana itu kalau dibuat begini bolehlah tuan milik lori itu menjelaskan dan pemandu tidak payah bawa duit pergi bayar di Johor Bahru misalnya ataupun di Rantau Panjang, Kelantan kalau tidak salah saya, saya tidak pernah ke sana, saya harap saya betul. Jadi itu satu cadangan saya.

Cadangan saya yang lain Tuan Yang Dipertua ialah berkenaan dengan Fasal (4) iaitu pengecualian, di mana Menteri diberi kuasa untuk mengecualikan seluruh atau sebahagian daripada kenderaan.

Saya berpendapat kekecualian macam ini patut atau perlu ditakrifkan supaya tidak menjadi kabur dan boleh mengelakkan daripada penyalahgunaan ataupun “abuse” kuasa ataupun boleh mengelakkan daripada pegawai-pegawai membuat discretion kuasa yang tidak tepat dan ini akan menimbulkan masalah-masalah yang lain, mungkin juga boleh menimbulkan rasuah, kalau boleh saya nyatakan-kemungkinannya. Jadi sekiranya kekecualian ini boleh ditakrifkan dengan tepat, ini akan merupakan satu

panduan yang tidak dapat dielakkan, yang boleh membantu pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang yang baik.

Saya suka bertanya, kerana tidak jelas di sini, kepada pihak Menteri: bagaimanakah kedudukan kenderaan-kenderaan yang datang melalui Malaysia datangnya daripada Thailand, sebuah negara asing, bila hendak pergi ke Singapura? Adakah kenderaan barangan macam ini pun dikenakan levi.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat—mungkin saya tidak begitu tepat kerana ini soal undang-undang. Tuan Yang Dipertua, Fasal 8 (2), saya tidak faham mengapa Fasal ini dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini di mana mengatakan:

“8 (2) Maka tidaklah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pegawai yang bertindak atau berupa bertindak di bawah Akta ini, jika pegawai itu tidak beruniform dan enggan mengumumkan jawatannya dan mengemukakan dokumen kenal dirinya apabila diminta berbuat demikian oleh orang itu.”

Saya faham maksudnya ialah untuk menjaga kepentingan orang-orang tertentu iaitu pemandu. Tetapi saya berpendapat Tuan Yang Dipertua, kalau sekiranya seseorang pegawai itu tidak memakai uniform dan tidak mempunyai Kad Pengenalan diri maka beliau itu tidak boleh dianggap menjalankan tugas dan dalam ertikata yang lain bagi setiap orang pegawai yang menjalankan tugas, maka setiap masa dia hendaklah mempunyai Kad Pengenalan diri, kalau tidak dia tidak boleh bertugas. Jika dia tidak ada satu kad authority, dia tidak boleh menjalankan tugas. Jadi dalam keadaan ini tentulah benefitnya itu

patut diberikan kepada orang yang **dianggap** membuat salah itu.

Itulah sahaja, Tuan Yang Dipertua, dengan ringkasnya saya membincangkan perkara ini dan memberikan pandangan-pandangan saya.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

6.17 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang Dipertua, saya hendak bercakap sedikit di atas Akta mengenai pengenaan Levi ke atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa Rang Undang-undang ini sangat dengan izin, risky, belum difikirkan dahulu sedalam-dalamnya. Saya rasa motif utamanya ialah untuk:

- (1) mendapat hasil oleh sebab tiap-tiap kenderaan boleh dapat hasil \$100; dan
- (2) ialah untuk menggalakkan trafik-trafik melalui Pelabuhan Pasir Gudang.

Sungguhpun saya faham dan mengakui negara kita sekarang dalam satu recession di mana kita hendak banyak wang untuk kemajuan, tetapi barangkali Rang Undang-undang ini boleh jadi counter-productive, dengan izin. Kita mahu fikir mendalam dahulu kerana sebelum pelabuhan itu mempunyai cukup kemudahan-kemudahan (facilities) untuk mengeksport barang-barang keluar negeri kalau kita mengambil langkah ini memaksa kesemua kenderaan pergi ke Pasir Gudang, barangkali boleh jadi ada satu jam di Pasir Gudang oleh sebab pelabuhan itu tidak mencukupi kemudahan sekarang. Dan kita ingat juga kalau kita kenakan levi ke atas tiap-tiap kenderaan yang meninggalkan negara kita ini boleh

membebankan orang yang ada lori dan pengusaha-pengusaha pengangkutan.

Di sini saya mahu beritahu Dewan ini saya sendiri ada dapat beberapa banyak aduan daripada pengusaha-pengusaha dan juga lori driver yang takut akan kehidupan mereka terjejas (threatened), mereka komplek dan mengadu halnya adalah sangat penting, kalau mereka tidak cukup kutipan wang, pendapatannya kurang kehidupannya boleh terjejas, diharaplah Menteri berkenaan boleh ambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, kita mahu ingat kalau satu pengusaha kenderaan membuat 10 trips sebulan ke Singapura satu lori akan kena \$1,000 sebulan dan saya rasa siapa-siapa pengusaha pun mesti pass on live sebanyak \$1,000 ini kepada pengguna-pengguna di negara kita. Akhirnya siapa susah? Bukan pengusaha sendiri susah, tetapi pengguna susah.

Barang-barang yang diimport daripada Thailand atau Singapura mesti naik harga, lepas itu akhirnya siapa susah, pengguna sendiri, kita mahu jaga sendiri, jangan sahaja jaga Treasury, tetapi mahu jaga pengguna. Barang-barang naik harga siapa susah, pengguna susah, khasnya dalam keadaan recession sekarang negara meleset dari segi dan pendapatan semua kalangan rakyat banyak susah sekarang.

Tuan Yang Dipertua, kita mahu ingat berkenaan eksport trade business, saya rasa negara kita selalu galakkan free trade untuk pengeksporthan mengeksporthan barang-barang keluar negara untuk dapat wang asing (foreign exchange). Di sini saya mahu memberitahu, kita nampak dalam Singapura supermarket ada barang-barang yang dibina (manufacture) di negara kita. Kalau kita adakan levi ini, eksport Malaysia ada kena susah, harga barang Singapura pun naik juga.

Ini mahu siasat, mahu timbang. Kalau barang-barang di Singapura atau di Thailand naik harga mana boleh dicompete dengan barang-barang negara lain. Ini two way. Kalau untuk tiap-tiap lori barangan kita levi \$100, barang di Singapura dan di Thailand pun juga naik harga. Akhirnya siapa susah, kilang-kilang di negara kita. Mahu ingat baik-baik.

Saya pun mahu beritahu Menteri berkenaan adakah timbang Singapura adalah satu market yang besar sekali untuk eksport-eksport kita, misalnya sayur-sayuran, saudara saya dari Kuala Lumpur cakap kayu-kayan dan lain-lain barang. Di negara kita sekarang ekonomi meleset, lagi kita sekarang ada satu undang-undang mahu menghindar atau 'prevent expansion of export' dalam satu keadaan recession, macam mana ini? Saya tak faham apa sebab ada Rang Undang-undang di Dewan ini sekarang.

Saya harap Menteri berkenaan ambil perhatian perkara ini oleh sebab Singapura, kuasa membeli (purchasing power) kuat. Kalau kita ada banyak tempat di Johor yang eksport sayur-sayuran, kalau sayur-sayuran kena terjejas, macam mana kehidupan peladang-peladang di Johor dan lain-lain tempat.

Kalau kita ada satu levi tiap-tiap kereta datang dari Thailand yang angkat ikan-ikan, dia keluar Malaysia mesti ada satu levi \$100, macam mana ikan kita, ikan sekarang sudah banyak mahal, kalau ada levi ini mahal lagi. Orang miskin susah mahu dapat makan ikan sekarang, ikan bilis pun susah mahu dapat makan, jangan cakap ikan. Oleh sebab itu, saya harap Menteri yang berkenaan ambil perhatian apa saya sudah sebut.

Akhirnya, dalam suratkhbar kita ada selalu nampak bahawa Kerajaan negara kita cakap kita mahu galak trade di antara lain-lain negara dalam

ASEAN, tetapi skim ini satu langkah terbalik fikiran ASEAN. Oleh sebab itu, saya haraplah Menteri berkenaan ambil perhatian dan fikir baik-baik dan lagi baik tarik balik Rang Undang-undang ini sebelum ada satu dialog dengan semua pengusaha-pengusaha kenderaan di negara kita dan ada satu dialog dengan taukeh kilang-kilang atau manufacturers, oleh sebab ini boleh jejakkan eksportnya.

Haraplah Menteri berkenaan ambil perhatian apa saya sudah capak.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Labis.

6.25 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk membahaskan satu Akta bagi membuat peruntukan mengenai dengan penganan levi ke atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

Tuan Yang Dipertua, saya suka memandang Rang Undang-undang seperti ini daripada segi kepentingan negara kita sendiri, iaitu kita mestilah mengambil kira untung rugi yang akan dialami oleh negara. Pada pandangan saya Undang-undang Levi ini adalah kena pada masanya bersesuaian dengan hasrat kita hendak meninggikan lagi dan juga menggalakkan lagi penggunaan pelabuhan-pelabuhan yang telah kita bina dengan perbelanjaan beratus-ratus juta ringgit seperti yang terdapat di Johor misalnya, iaitu di Pasir Gudang dan juga di Pelabuhan Kelang dan juga banyak lagi pelabuhan-pelabuhan yang akan didirikan mengikut perancangan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan.

Dalam hal ini juga kita telah mendengar hujah-hujah yang tidak

bersetuju dengan Rang Undang-undang ini, terutamanya daripada segi mengatakan bahawa kita akan dengan sengaja menaikkan harga barang-barang kita di luar negeri. Ini bukan masalah kita. Kita mengagung-agungkan bahawa Singapura merupakan satu pasaran (market) yang lengkap kepada barangan-barangan kita. Saya rasa ini adalah disebabkan oleh kelemahan kita sejak kita mencapai kemerdekaan dahulu, iaitu kita telah tidak memandang dengan seriusnya implikasi daripada jangka masa panjang yang tidak dikawal penggunaan pelabuhan di Singapura semata-mata disebabkan oleh kemudahan-kemudahan (facilities) yang tersedia ada disebabkan Pelabuhan Singapura ini merupakan satu pelabuhan yang sudah "established" dan sudah tentulah kita tidak akan bertanggungjawab sekiranya kita membiarkan keadaan ini berterusan.

Apa yang ingin saya tekankan ialah kita mesti mengambil langkah-langkah tegas supaya kita memastikan bahawa pelabuhan-pelabuhan kita kalau tidak setaraf dengan Pelabuhan Singapura akan mencapai satu standard yang boleh kita banggakan, satu standard di mana kita dapat menggunakan pelabuhan-pelabuhan kita untuk menyalurkan barangan-barangan kita tanpa melalui negara-negara asing.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga memandang Akta ini daripada segi hasrat Kerajaan hendak menggalakkan penubuhan "Sogoshosa Malaysia", iaitu kalau sekiranya industri-industri sampingan ataupun industri-industri sokongan (supportive services) tidak dinaikkan disebabkan oleh kekurangan kita menggunakan pelabuhan-pelabuhan kita, sudah tentulah hasrat untuk kita mengadakan sogoshosa-sogoshosa yang benar-benar berkesan dan benar-benar boleh "Viable" akan tersekat daripada segi kemajuannya.

Jadi dengan adanya kemudahan-kemudahan, kelengkapan-kelengkapan di pelabuhan-pelabuhan kita, saya percaya ini akan memberikan peluang kepada generasi akan datang untuk memandang dengan lebih berat lagi akan perkara-perkara yang ada sangkut-paut dengan industri sokongan yang dapat diadakan di pelabuhan-pelabuhan.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung berkenaan dengan Rang Undang-undang Levi ini besok.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.